



**UNIVERSITI  
MALAYA**

Fakulti Pendidikan

# **BUKU PANDUAN**

**Program  
Diploma  
Pascasiswazah  
Pendidikan**

**(Sesi 2021/2022)**

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA**

## ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
▪ Takwim Akademik Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan Sesi 2021/2022	3
▪ Visi dan Misi Universiti Malaya	4
▪ Kata Aluan Dekan	5
▪ Maklumat Am Universiti Malaya	6
▪ Maklumat Am Fakulti Pendidikan	8
▪ Carta Organisasi	12
▪ Pentadbiran/Pengurusan/Ahli Fakulti	15
▪ Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Diploma Pascasiswazah 2020)	24
▪ Struktur Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan Universiti Malaya	29
▪ Senarai Kursus Diploma Pascasiswazah Pendidikan	31
▪ Pengalaman Sekolah	37
▪ Latihan Mengajar	39
▪ Sinopsis Kursus Teras Fakulti	43
▪ Sinopsis Kursus Pengkhususan Pertama	46
▪ Sinopsis Kursus Pengkhususan Kedua	64
▪ Unit-Unit Kemudahan	75
▪ Lokasi Bilik Kuliah	77
▪ Penghargaan	85

## TAKWIM AKADEMIK DIPLOMA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN

### SESI 2021/2022

#### SEMESTER I

Pendaftaran	2 minggu	24.09.2021	08.10.2021
Haluansiswa	1 minggu	10.10.2021	17.10.2021
Kuliah	7 minggu	18.10.2021	05.12.2021
Cuti Pertengahan Semester I	1 minggu	06.12.2021	12.12.2021
Kuliah	7 minggu	13.12. 2021	30.01. 2022
Minggu Ulangkaji	1 minggu	31.01.2022	06.02.2022
Peperiksaan Akhir Semester I	1 minggu	07.02.2022	13.02.2022
Pengalaman Sekolah I	2 minggu	14.02.2021	27.02. 2021
Pegalaman Sekolah II	2 minggu	28.02.2021	12.03.2021

**24 minggu**

#### SEMESTER II

Kuliah	7 minggu	14.03.2022	01.05.2022
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu	02.05.2022	08.05.2022
Kuliah	7 minggu	09.05.2022	26.06.2022
Minggu Ulang Kaji	1 minggu	27.06.2022	03.07.2022
Peperiksaan Akhir Semester II	1 minggu	04.07.2022	10.07.2022
Latihan Mengajar	10 minggu	11.07.2022	18.09.2022

**27 minggu**

#### Cuti Umum Tahun 2021

Maulidur Rasul	19 Oktober 2021
Deepavali	4 November 2021
Hari Krismas	25 Disember 2021

#### Cuti Umum Tahun 2022

Cuti Tahun Baharu	1 Januari 2022
Hari Thaipusam	18 Januari 2022
Hari Wilayah Persekutuan	1 Februari 2022
Tahun Baru Cina	1 & 2 Februari 2022
Nuzul Al-Quran	19 April 2022
Hari Pekerja	1 Mei 2022
Hari Raya Aidilfitri	2 & 3 Mei 2022
Hari Wesak	15 Mei 2022
Hari Keputeraan Agong	6 Jun 2022
Hari Raya Aidiladha	9 Julai 2022
Awal Muharram	30 Julai 2022
Hari Kebangsaan	31 Ogos 2022
Hari Malaysia	16 September 2022

## VISI DAN MISI UNIVERSITI DAN OBJEKTIF FAKULTI

### VISI UNIVERSITI MALAYA

Universiti bertaraf global yang memberi impak pada dunia

### VISION OF THE UNIVERSITY OF MALAYA

*A global university impacting the world.*

### MISI UNIVERSITI MALAYA

Melangkaui batasan ilmu dan membentuk pemimpin beraspirasi

### MISSION OF THE UNIVERSITY MALAYA

*Pushing the boundaries of knowledge and nurturing aspiring leaders.*

Untuk mencapai visi dan misi ini, Fakulti telah mengenal pasti objektif yang berikut:

- Untuk menghasilkan guru yang cekap bagi sekolah dan institusi pendidikan lain.
- Untuk menghasilkan pakar dalam semua bidang pendidikan dan pembangunan manusia.
- Menjadi pusat pengajian pasca ijazah dan pembangunan manusia.
- Menjadi pusat inovasi, penyelidikan asas dan aplikasinya dalam semua bidang pendidikan dan pembangunan manusia.
- Menjadi pusat latihan dan perundingan dalam bidang pendidikan dan pembelajaran untuk organisasi dan institusi.

*To achieve this vision and mission, the faculty has identified the following general objectives:*

- *To produce competent teachers for schools and other educational institutions.*
- *To produce experts in all areas of education and human development.*
- *To become a postgraduate centre in education and human development.*
- *To become a centre of innovation in basic and applied research in all areas of education and human development.*
- *To become the centre of training and consultation in the field of education for organizations and institutions*

*Nilai-Nilai Teras Universiti Malaya adalah:  
Core Values of the Universiti Malaya are:*



PASSION	ONENESS	INTEGRITY	SINCERITY	EMPATHY
Kesungguhan	Perpaduan	Integriti	Keikhlasan	Empati

## KATA ALUAN DEKAN



Dengan rasa bangga dan besar hati saya ingin mengalu-alukan kedatangan semua pelajar baharu bagi sesi Tahun Akademik 2021/2022. Tahniah dan terima kasih kerana memilih Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya sebagai pilihan utama untuk melanjutkan pelajaran. Fakulti yang terulung ini bukan sahaja telah mencipta nama di peringkat nasional bahkan juga di peringkat antarabangsa.

Seiring dengan pencapaian Universiti Malaya, Fakulti Pendidikan juga telah berjaya meningkatkan tarafnya dengan tersenarai sebagai salah satu daripada 100 Fakulti Pendidikan terbaik di dunia. Pencapaian ini tidak tiba dalam sekelip mata tetapi adalah berasaskan daya usaha dan keprihatinan daripada setiap ahli fakulti serta para pelajar. Dengan usia hampir 60 tahun, Fakulti Pendidikan terus unggul dengan kejayaan menghasilkan kira-kira 20,000 graduan cemerlang.

Program akademik yang ditawarkan oleh fakulti bukan hanya menyediakan pelajar dengan ilmu intelektual dan kemahiran semata-mata tetapi turut menghubungkan teori dan amalan bagi mempersiapkan pelajar untuk menempuh alam pekerjaan dalam dunia sebenar. Sehingga kini, graduan kami tidak hanya menyerlah dalam industri tempatan malah turut menyinar di persada antarabangsa.

Dalam meraikan kejayaan ini, sesi akademik kali ini merupakan suatu sesi yang mencabar. Dunia dilanda pandemik Covid 19 dan kita terpaksa menyesuaikan diri dengan norma baharu. Keadaan ini secara langsung mempengaruhi cara pengajaran dan pembelajaran termasuk cara menjalankan penyelidikan. Anggaphlah norma baharu ini suatu anjakan paradigm kearah pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif sealiran dengan kehendak semasa. Justeru, Fakulti Pendidikan sentiasa mengambil langkah-langkah sewajarnya dalam memastikan pengajian anda semua tidak terjejas dalam menghasilkan graduan yang berkualiti.

Akhir kata, untuk memastikan kecemerlangan yang mapan, misi dan visi fakulti haruslah didukung ke arah hala tuju yang hendak dicapai. Perancangan disusun dengan teliti untuk generasi akan datang.

Salam hormat dan selamat maju jaya!

**'LANGKAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN ANDA BERMULA DI SINI'**

**PROF. MADYA DR. ZAWAWI BIN ISMAIL  
DEKAN  
FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA**

## MAKLUMAT AM UNIVERSITI MALAYA

Universiti Malaya (UM) merupakan universiti pertama yang ditubuhkan di Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) pada 8 Oktober 1949 dari gabungan King Edward VII College of Medicine (1905) dan Raffles College (1928). Penubuhannya menjadi pemacu kepada kemajuan pendidikan di Tanah Melayu pada ketika itu sehingga tertubuhnya dua cawangan autonomi yang terletak di Singapura dan Kuala Lumpur pada tahun 1956. Dalam usaha memperkukuhkan pendidikan tinggi di kedua-dua negeri, status universiti cawangan perlu dinaik taraf kepada universiti kebangsaan. Oleh itu, Akta Parlimen 1961 telah diluluskan dan secara rasminya Universiti Malaya di Kuala Lumpur telah diiktiraf serta mengangkat martabat kepada universiti kebangsaan pada 1 Januari 1962. Sejak itu, Malaysia (Gabungan dengan Singapura, Sabah dan Sarawak pada 1963) melalui pelbagai proses transformasi dalam dunia pendidikan. Selaras dengan ini Universiti Malaya terus melipat gandakan usahanya untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang ternama di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran.

Bagi menjayakan wawasan murni ini, Universiti Malaya disokong oleh hospital penyelidikan terbesar dan pertama di Malaysia iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), dua akademi, dua belas fakulti, empat institut dan tiga pusat akademik yang bersifat menyeluruh merangkumi bidang perubatan, sains, teknologi serta sains sosial dan sains kemasyarakatan. Selain daripada itu, dalam usaha menyumbang kepada perkembangan ilmu, Universiti Malaya telah mewujudkan enam Kluster Penyelidikan. Penubuhan kluster ini menawarkan penyelesaian dan penemuan terbaharu dalam pelbagai bidang. Penekanan terhadap bidang penyelidikan diperkukuhkan dengan tertubuhnya pusat-pusat kecemerlangan di pelbagai pusat pengajian. Pada 11 Oktober 2006, Universiti Malaya telah diiktiraf oleh Jemaah Menteri sebagai salah satu dari lima universiti awam sebagai universiti penyelidikan. Pada 26 Januari 2012 pula, Universiti Malaya telah diberikan status autonomi oleh Kementerian Pengajian Tinggi (kini dikenali Kementerian Pendidikan Tinggi). Di atas kejayaan Universiti Malaya dalam pengurusan penyelidikan, proses audit Malaysian Research Assessment Instrument II (MyRA II), Kementerian Pendidikan Tinggi ke atas Universiti Penyelidikan telah meletakkan Universiti Malaya sebagai 'the Best Research University in Malaysia with the Highest Marks' pada 1 Disember 2013.

Dengan menjadikan aspirasi nasional sebagai pegangan, Universiti Malaya terus memperkukuhkan kedudukannya dalam dunia akademik di peringkat nasional mahupun antarabangsa. UM berada pada kedudukan ke-114 di dunia bagi QS World University Ranking 2018 dan di tangga ke-27 bagi QS Asian University Rankings 2016. UM juga merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang tersenarai dalam kalangan 400 universiti terbaik dunia (Academic Ranking of World Universities) oleh Shanghai Jiao Tong, China. Pencapaian ini menobatkan Universiti Malaya sebagai universiti terbaik di Malaysia. Pada 6 Mei 2014, Universiti Malaya menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa sebagai satu-satunya institusi pengajian tinggi di Malaysia yang mendapat penarafan 5 bintang oleh QS Stars Ratings. Universiti Malaya juga telah diiktiraf sebagai Universiti Pilihan oleh Reader's Digest Trusted Brand selama 10 tahun berturut-turut sejak tahun 2007 hingga 2016. Dengan rekod tersebut, UM telah dianugerahkan Anugerah Platinum dalam Kategori Universiti Awam pada 27 Mei 2014. Pengajaran, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan komersialisasi menjadi tunjang usaha Universiti Malaya menyumbang kepada dunia akademik dan masyarakat.

Seiring dengan universiti-universiti antarabangsa, Universiti Malaya menjalinkan usahasama dengan institut penyelidikan dan universiti terkemuka dari 71 buah negara. Di antara universiti terkemuka dunia yang menjalinkan kerjasama secara aktif dengan Universiti Malaya adalah:

University of Cambridge Harvard University Kyoto University University of Sydney Queen Mary, University of London, Queen's University, Belfast	Beijing Foreign Studies University Tsinghua University National University of Singapore National Taiwan University Yale University, University of Hyderabad
---	--

University of Malaya High Impact Research (UM HIR) telah ditubuhkan pada Februari 2010 dan telah diperuntukkan sejumlah RM10 juta dana dalaman UM bagi menggalakkan penyelidikan fundamental yang menasarkankan penerbitan Tier 1 ISI/WoS. Menyedari kepentingan UM sebagai institusi penyelidikan terkemuka negara, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah meluluskan peruntukan berjumlah RM590 juta untuk Program UM-MoHE HIR bagi tempoh 5 tahun bermula Ogos 2011 sehingga Jun 2016.

Sehingga kini, UM telah melantik empat Felo Nobel dan dua Profesor Ulung sebagai ahli Majlis Penasihat HIR. Mereka terdiri daripada Felo Nobel Profesor Barry Marshall (Psikologi atau Perubatan), Felo Nobel Profesor Ryoji Noyori (Kimia), Felo Nobel Profesor David Baltimore (Psikologi atau Perubatan), Felo Nobel Sir Dr. Richard Roberts (Psikologi atau Perubatan), Profesor Ulung Rita Colwell (University of Maryland, USA) dan Profesor Ulung Wong Chi-Huey (Academia Sinica, Taiwan).

Bagi memastikan kurikulum yang disediakan menepati kehendak serta keperluan nasional dan antarabangsa, Universiti Malaya telah berjaya memperolehi akreditasi daripada pelbagai institusi dan badan profesional antarabangsa. Antaranya *Washington Accord*, *Institution of Chemical Engineers UK*, *Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS)*, *Association of Building Engineers*, *Royal Institute of British Architects (RIBA)*, *The Association of Chartered Certified Accountants*, *The Chartered Institute of Management Accountants*, *Institute of Chartered Accountants England and Wales*, *Certified Practising Accountants of Australia*, *SMBG-Eduniversal France*, *Royal College of Surgeons of England UK*, *Institute of Physics & Engineering in Medicine UK*, *Association of MBA, UK* dan banyak lagi untuk memastikan kurikulum universiti memenuhi keperluan kebangsaan dan antarabangsa, dan ini menunjukkan program kita adalah relevan secara global.

Sebagai universiti ulung di negara ini, Universiti Malaya berikrar untuk menerajui bidang penyelidikan dan inovasi dan mencapai kedudukan di antara 50 universiti terbaik dunia menjelang 2020.

## MAKLUMAT AM FAKULTI PENDIDIKAN

Fakulti Pendidikan ditubuhkan pada 1963, dan pada awalnya dinamakan Sekolah Pendidikan Universiti Malaya. Sekolah Pendidikan Universiti Malaya dibentuk untuk menawarkan Diploma Pendidikan, satu program pasca ijazah, bagi siswazah yang memilih profesion perguruan. Sekolah Pendidikan berkembang dengan amat pesat dan dinaikkan taraf kepada status fakulti pada bulan Julai 1965. Program Sarjana Pendidikan telah ditawarkan untuk julung kalinya selepas dua tahun kemudian, diikuti dengan penawaran program Doktor Falsafah pada tahun 1969.

Sejak penubuhannya, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya telah berjaya melahirkan hampir 20,000 siswazah, iaitu lebih daripada 15,000 pemegang Diploma Pendidikan, lebih daripada 2,282 graduan Sarjana, dan kira-kira 3,500 dengan ijazah dasar pendidikan.

Fakulti Pendidikan menerima pakai peranan proaktif dalam usaha memenuhi era perubahan yang berterusan dalam bidang pendidikan. Ini termasuk penyemakan dan penelitian semula program dan kursus, penyemakan kurikulum dan instruksi untuk memasukkan, jika perlu, perubahan-perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan.

Peranan Fakulti Pendidikan tidak terhad kepada pendidikan guru sahaja. Setiap ahli Fakulti mempunyai kepakaran tersendiri dalam bidang pendidikan, dan kebanyakan ahli akademik di Fakulti ini berkhidmat sebagai penasihat atau pakar runding kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan berbagai-bagai organisasi. Setengah-setengah daripada mereka bertugas rapat dengan agensi-agensi antarabangsa termasuk Bank Dunia, UNESCO, UNICEF, IBRD, RECSAM, dan RELC. Semua staf Fakulti ini terlibat secara aktif dalam penyelidikan, dan sejumlah besar kertas kerja dan artikel telah diterbitkan di kedua-dua peringkat, tempatan dan antarabangsa. Kebanyakan geran penyelidikan ditaja oleh Universiti Malaya atau agensi dalam dan luar negara.

### **JABATAN-JABATAN**

Pada tahun 1970, pada dasarnya, struktur Fakulti Pendidikan adalah terdiri daripada lima bahagian yang berbeza. Bagaimanapun, oleh sebab perkembangan baru dan anjakan paradigma dalam sistem pendidikan, Fakulti Pendidikan telah melalui satu siri penstrukturan dan pembentukan semula organisasinya bagi membolehkan Fakulti ini memenuhi hasrat visi dan objektifnya. Pembentukan struktur organisasi terbaru Fakulti Pendidikan telah dilaksanakan pada tahun 2001 apabila jabatan-jabatan yang berikut ditubuhkan:

- Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan
- Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling
- Jabatan Pengurusan, Perancangan dan Dasar Pendidikan
- Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi
- Jabatan Pendidikan Matematik dan Sains
- Jabatan Kurikulum dan Teknologi Pengajaran

## IJAZAH SARJANA MUDA

Di samping menawarkan kursus-kursus peringkat ijazah tinggi, sejak permulaan penubuhannya, Fakulti Pendidikan terlibat dalam beberapa program ijazah dasar. Berikut adalah kronologi penglibatan fakulti dan penawaran program Ijazah Sarjana Muda bagi Fakulti Pendidikan.

- 1975 : Penawaran Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan, hasil kerjasama bersama Fakulti Sains (UM)
- 1980 : Penawaran Ijazah Sarjana Muda pertama bagi Fakulti Pendidikan
  - : Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (PBISBK) dengan kerjasama bersama Fakulti Sastera dan Sains Sosial (UM)
- 1982 : Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam diperkenalkan. Program ini ditawarkan bersama Akademi Pengajian Islam (UM) bagi menyediakan guru-guru untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah.
- 1997 : Program Ijazah Sarjana Muda Kaunseling mula ditawarkan
- 1998 : Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak ditawarkan pertama kalinya di Fakulti Pendidikan
- 2000 : Program Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Tamil) mula ditawarkan
- 2004 : Pengambilan kumpulan Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Tamil) yang terakhir dan pada tahun yang sama, Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) Pendidikan Rendah telah ditawarkan

Pada masa ini program sarjana muda yang ditawarkan di Fakulti Pendidikan adalah seperti berikut :

1. Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua
2. Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak
3. Sarjana Muda Kaunseling

## **IJAZAH TINGGI**

Fakulti Pendidikan telah memulakan usaha ke arah misinya untuk menjadikan Fakulti ini sebagai satu pusat pendidikan ijazah tinggi dalam bidang pendidikan yang membawa kepada penganugerahan ijazah sarjana dan doktor falsafah. Fakulti berhasrat untuk mengeluarkan pendidik berijazah tinggi bagi memenuhi permintaan sistem pendidikan yang dinamik. Dengan kekuatan semasa kakitangan akademik, yang hampir kepada 100 orang, berbanding dengan jumlah staf yang tidak seberapa, iaitu hanya lima orang, pada tahun 1963, tidaklah menghairankan bahawa Fakulti mempunyai sekumpulan pakar berbakat yang boleh memberikan sumbangan yang lebih besar kepada perkembangan dalam bidang pendidikan.

Fakulti Pendidikan mempunyai jumlah terbesar pelajar ijazah tinggi untuk mengikuti pengajian ijazah sarjana dan doktor falsafah di Universiti Malaya. Di antara calon, yang terdiri daripada rakyat Malaysia, terdapat calon ijazah tinggi dari luar negara seperti Libya, Thailand, Brunei, Fiji, Sri Lanka, Cook Island, Samoa, China, Afrika, dan lain-lain. Dengan kehadiran pelajar dari luar negara, pendedahan dan latihan menjadi lebih luas apabila setiap pelajar dapat berkongsi pandangan dan pengalaman lepas.

### **Ijazah Sarjana Pendidikan**

Fakulti Pendidikan menawarkan pelbagai pilihan dalam bidang pengajian untuk ijazah Sarjana Pendidikan. Di antaranya ialah bidang:

1. Perkembangan Kurikulum
2. Perancangan dan Pentadbiran
3. Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
4. Psikologi Pendidikan
5. Pengukuran dan Penilaian
6. Pendidikan Khas
7. Pendidikan Bahasa Arab
8. Pendidikan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua
9. Pendidikan Bahasa Malaysia
10. Pendidikan Matematik
11. Pendidikan Sains
12. Sosiologi Pendidikan
13. Pendidikan Islam
14. Pendidikan Nilai dan Kemanusiaan
15. Pendidikan Seni Visual
16. Pendidikan Awal Kanak-Kanak
17. Sarjana Pendidikan - Penyelidikan
18. Dan pengajian-pengajian bidang lain yang mungkin ditawarkan dari semasa ke semasa

### **Program Profesional**

Di samping program Sarjana Pendidikan di atas, Fakulti juga menawarkan beberapa program profesional. Di antaranya ialah:

1. Sarjana Kaunseling Profesional
2. Sarjana Pengurusan Pendidikan
3. Sarjana Teknologi Pengajaran (Reka Bentuk Pengajaran)
4. Sarjana Pendidikan Matematik dengan Teknologi
5. Sarjana Pendidikan Sains dengan Teknologi Maklumat

### **Program Doktor Falsafah**

Fakulti Pendidikan menawarkan program Doktor Falsafah secara Penyelidikan dan juga secara Kursus dan Penyelidikan. Bagi Program Doktor Falsafah secara Kursus dan Penyelidikan 3 bidang ditawarkan buat masa ini adalah:

1. Kurikulum dan Pengajaran
2. Pengurusan dan Dasar Pendidikan
3. Kaunseling

### **Diploma Pascasiswazah Pendidikan**

Fakulti Pendidikan turut menawarkan program Diploma Pascasiswazah Pendidikan secara kursus yang merangkumi bidang-bidang pengkhususan seperti berikut:


1. Pendidikan Fizik
2. Pendidikan Kimia
3. Pendidikan Biologi
4. Pendidikan Matematik
5. Pendidikan Sains Komputer
6. Pendidikan Kejuruteraan
7. Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
8. Pendidikan Islam
9. Pendidikan Tahfiz
10. Pendidikan Bahasa Melayu
11. Pendidikan Bahasa Cina
12. Pendidikan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua
13. Pendidikan Sejarah
14. Teknologi Pengajaran
15. Dan bidang pengkhususan lain yang mungkin ditawarkan dari semasa ke semasa

Walaupun pada asalnya bahasa pengantar pengajian kebanyakannya dilaksanakan melalui pengantar bahasa Melayu, namun semakin banyak kursus ditawarkan melalui pengantar bahasa Inggeris. Ini membolehkan para pelajar luar negara yang tidak fasih dalam bahasa Melayu dapat mengikuti pengajian ijazah tinggi melalui pengantar bahasa Inggeris di Fakulti ini. Secara praktikal, semua staf akademik Fakulti Pendidikan adalah tenaga akademik dwibahasa, iaitu mereka berkemampuan dalam kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris. Untuk pelajar dari luar negara yang tidak menguasai bahasa Melayu, Fakulti ini menyediakan, sebaik mungkin, tatacara pengajian khas, agar mereka dapat meneruskan pengajian kursus mereka dalam bahasa Inggeris.


# CARTA ORGANISASI

FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI MALAYA  
FACULTY OF EDUCATION UNIVERSITY OF MALAYA

## Carta Organisasi Akademik Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya



## Carta Organisasi Pentadbiran Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya



## PENTADBIRAN / PENGURUSAN FAKULTI

Dekan	: <b>Prof. Madya Dr. Zawawi Ismail</b> BAHons (Yarmouk), DipEd (IIUM), Med (UKM), PhD (UKM)
Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi)	: <b>Prof. Madya Dr Zaharah Hussin</b> BISedHons, MEd (Mal), PhD (UKM)
Timbalan Dekan (Ijazah Dasar)	: <b>Dr. Suzieleez Syrene Abdul Rahim</b> BScEd (Hons)(Mal), MEd (Mal), PhD (Western Australia)
Timbalan Dekan (Pembangunan & Penyelidikan)	: <b>Prof. Madya Dr. Husaina Banu Kenayathulla</b> BAct (UIA), DipEd (UIA), MEd (Mal), MscED (Indiana), PhD (Indiana)
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar)	: <b>Dr Mohd Nazri Abdul Rahman</b> B.EconomicsHons, M.Education(Mal), PhD(Mal)
Ketua Jabatan Asas Pendidikan & Kemanusiaan	: <b>Dr. Azni Yati Kamaruddin</b> BEd (TESL) (Hons) (Mal), M.Ed (Mal), Ph,D (Victoria)
Ketua Jabatan Pendidikan Bahasa & Literasi	: Prof. Madya Dr. Adelina Asmawi BEdTESLHons, MEd (Tech) (Mal), PhD (Melbourne)
Ketua Jabatan Pengurusan, Perancangan & Dasar Pendidikan	: <b>Prof. Madya Muhammad Faizal A. Ghani</b> BBA(UUM), DipEd (MTC), ESL(Indiana), MBA(UKM), PhD(Mal)
Ketua Jabatan Psikologi Pendidikan & Kaunseling	: <b>Dr. Harris Shah Abd Hamid</b> BAHons (Guelph), MSc(UCL), PhD(Loughborough)
Ketua Jabatan Pendidikan Matematik & Sains	: <b>Dr. Rose Amnah Abd. Rauf</b> BSc (UTM), MSc (Warwick), PhD (UKM)
Ketua Jabatan Kurikulum dan Teknologi	: <b>Prof. Madya Ts. Dr. Siti Hajar Halili</b> BScHons(UiTM), MAEduTech(USM), PhD(USM)
Penolong Pendaftar Kanan (Pentadbiran)	: <b>En. Shahrul Nizam Mahfudz</b> BHSc (Hons)(IIUM), MEdM (Mal)
Penolong Pendaftar Kanan (Ijazah Tinggi)	: <b>Pn. Nor Aizan Zainuddin</b> BEc (Hons) (Mal)
Penolong Pendaftar (Ijazah Dasar)	: <b>Cik Nur Syazana Mohammad Nizar</b> BBM (Hons.) (MSU), MCHS (UKM)
Penolong Pendaftar (Pembangunan & Penyelidikan)	: <b>Pn. Sa'idah Nafisah Mohd Zahari</b> BHSc (Hons) (IIUM), MPA (Mal)

**AHLI-AHLI FAKULTI**  
**FACULTY MEMBERS**

**JABATAN ASAS PENDIDIKAN DAN KEMANUSIAAN**  
**DEPARTMENT OF EDUCATIONAL FOUNDATIONS AND HUMANITIES**

Ketua <i>Head of Department</i>	: <b>Azni Yati Kamaruddin</b> BEEd (Tesl) (Hons) (Mal), M.Ed (Mal), PhD (Victoria)
Profesor Madya <i>Associate Professor</i>	: <b>Vishalache Balakrishnan</b> CertEd (MPIK), Specialist CertEd (MPIK), BEdTESLHons (Mal), MEd (Mal), PhD (VUM, NZ), CertESOL (NZ) : <b>Zaharah Hussin</b> : BIsEdHons, MEd (Mal), PhD (UKM)
Pensyarah Kanan <i>Senior Lecturer</i>	: <b>Abd. Razak Zakaria</b> : BAHons (UKM), MA(UKM), PhD (Mal) : <b>Abdul Muhsien Sulaiman</b> : BIsEd, MEd, PhD (Mal) : <b>Wail Muin Alhaj Said Ismail</b> : BSc, MEd, PhD (Yarmok) : <b>Che Aleha Ladin</b> : CertEd (MPTB), Bed (Hons) Art, Med(art), PhD (UPSI) : <b>Mohammad Ismath Ramzy</b> : BA Hons, MA (ISU), MA (AMIUM), PhD (UIAM)
Pensyarah <i>Lecturer</i>	: <b>Mohd Faisal Mohamed</b> : BJuris (Al al-Bayt), MA (Portsmouth) : <b>Rahimi Md Saad</b> : BA Hons (Yarmouk), DipEd (IIUM), MEd (Mal)

**JABATAN PENDIDIKAN BAHASA DAN LITERASI**  
**DEPARTMENT OF LANGUAGE AND LITERACY EDUCATION**

Ketua <i>Head of Department</i>	: <b>Adelina Asmawi</b> BEdTESLHons, MEd(Tech)(Mal), PhD(Melbourne)
Profesor Kehormat <i>Honorary Professor</i>	: <b>Abdul Jalil Othman (Dato')</b> CertEd(MPSAH), BEdHons(UPM), MEd(Mal), PhD(Mal)
Profesor Madya <i>Associate Professor</i>	: <b>Chew Fong Peng</b> BAHons, DipEd(UKM), MA, PhD(UKM) : <b>Juliana Othman</b> BEdTESOLHons(Moray Hse, UK), MA, PhD(Reading) <b>Muhammad Azhar Zailaini</b> BAHons(Morocco), DipEd(IIUM), MEd(Mal), PhD(Mal) <b>Zawawi Ismail</b> BAHons(Yarmouk), DipEd(IIUM), MEd(UKM), PhD(UKM)
Pensyarah Kanan <i>Senior Lecturer</i>	: <b>Fatiha Senom</b> BEdTESL(Mal), PhD(Mal) : <b>Huzaina Abdul Halim</b> CertEd(MPIK),DipBanking(ITM),BEdTESLHons,MScTESL(UPM), PhD(London) : <b>Lim Jia Wei</b> BEd(TESL), M.A.(Mal), MPhil, PhD(Cambridge) : <b>Mohd Rashid Mohd Saad</b> BEdTESLHons(UKM), MEd(Leeds), PhD(Mal) : <b>Shanina Sharatol Ahmad Shah</b> BEdTESOLHons(Surrey,UK), MEdTESL (Mal), PhD(Mal) <b>Simah Mamat</b> BEd (UPM), MEd(UPM), PhD(UPM) : <b>Zuwati Hasim</b> BEdTESLHons, MAESL(UKM), PhD(Waikato,NZ)

**JABATAN PENDIDIKAN MATEMATIK DAN SAINS**  
**DEPARTMENT OF MATHEMATICS AND SCIENCE EDUCATION**

Ketua <i>Head of Department</i>	: <b>Rose Amnah Abd. Rauf</b> BSc(UTM), MSc(Warwick), PhD(UKM)
Profesor Kehormat <i>Honorary Professor</i>	: <b>Rohaida Mohd Saat</b> BSc (Indiana), MScEd (Indiana), PhD (UPM)
Profesor Professor	: <b>Chua Yan Piaw</b> BSc(UPM), MSc(UPM), PhD(UPM)
Profesor Madya <i>Associate Professor</i>	: <b>Leong Kwan Eu</b> BSc Ed (Hons)(Mal), MMedICT (Mal), MSc. (Columbia), MA (Columbia), MPhil (Columbia), PhD (Columbia, New York) : <b>Hutkemri</b> : S.Pd (UNRI), MEd (UKM), PhD (UKM) : <b>Syed Kamaruzaman Syed Ali</b> : BPend,(UNIMED), MSc(UPM), PhD(UPSI)
Pensyarah Kanan <i>Senior Lecturer</i>	: <b>Chua Kah Heng</b> BSc Ed(Hons)(USM), MEd.(USM), PhD(USM) : <b>Edy Hafizan Mohd Shahali</b> BEng(Hons) Biochemical Engineering(UKM), Med(UKM), PhD(UKM) : <b>Hidayah Mohd Fadzil</b> BSc.Ed(Mal), PhD(Mal) : <b>Mohd Nor Syahrir Abdullah</b> BSc(UKM), Med(USM), PhD(USM) : <b>Mohd Razip Bajuri</b> BscEd. Math(UTM), Med. Phy(UTM), PhD. Math(UKM) : <b>Renuka a/p V.Sathasivam</b> BSc(Mal), MEd(Mal), MSc(Mal), PhD(Mal) : <b>Suzieleez Syrene Abdul Rahim</b> BScEd(Hons)(Mal), MEd(Mal), PhD(Western Australia)
Pengajar-Skim Latihan Akademik Bumiputra <i>Tutor-Bumiputra</i> <i>Academic Training</i> <i>Scheme/SLAI</i>	: <b>Annisaa Basar</b> BSc (UiTM), Msc (UiTM)

**JABATAN PSIKOLOGI PENDIDIKAN DAN KAUNSELING**  
**DEPARTMENT OF EDUCATIONAL PSYCHOLOGY AND COUNSELING**

Ketua <i>Head of Department</i>	: <b>Loh Sau Cheong</b> CertEd, BEdHons(UKM), MSc, PhD(UPM)
Profesor <i>Professor</i>	: <b>Jas Laile Suzana Jaafar</b> BAHons, DipEd (UKM), MSc(Belfast), PhD (Lancaster)
Profesor Madya <i>Associate Professor</i>	: <b>Diana Lea-Baranovich Shoup</b> B.ME(Loyola), M.ED(Loyola), MTP (Institute of Transpersonal Psychology), EdD(California Coast), Psy D (California Southern University) : <b>Fonny Dameaty Hutagalung</b> BPsyc(UMA), MA(UKM), PhD(UKM) : <b>Lau Poh Li</b> BCouns, PhD(Mal) : <b>Melati Sumari</b> BlEdHons, MEd(Mal), PhD(W Michigan) : <b>Rafidah Aga Mohd Jaladin</b> CertEd(S.Australia),BScHons(UWA), MCouns(Mal), PhD(Monash) <b>Zahari Ishak</b> : CertEd, BEdHons, MSc(UPM), PhD(Mal)
Pensyarah Kanan <i>Senior Lecturer</i>	: <b>Madhya Zhagan a/l Ganesan</b> B.Sp.Ed, M.Sp.Ed, PhD(UKM) : <b>Ida Hartina Ahmed Tharbe</b> BScHons(Kent), MA(UPM), PhD(UKM) : <b>Noor Aishah Rosli</b> BHScHons(IIUM), MSc(UUM), PhD(Marquette,USA) : <b>Azmawaty Mohamad Nor</b> B.Business(Property) (Melbourne), MCouns(Mal), PhD(Mal) : <b>Ahmad Shamsuri Muhamad</b> BCouns(Mal), MCouns(Mal), PhD(Mal) : <b>Norfaezah Md. Khalid</b> BCouns(Mal), PhD(Mal) : <b>Norsafatul Aznin A. Razak</b> BCouns(Mal), PhD(Mal) : <b>Harris Shah Abd Hamid</b> BAHons(Guelph), MSc(UCL), PhD(Loughborough) <b>Siaw Yan Li</b> : Bsc(Human Development), MSc, PhD. (UPM) <b>Bambang Sumintono</b> : Dip. (Pendidikan Kimia) (IPB, Indonesia), BChemEdu (UT,Indonesia), Med (Administration)(Flinders University, Aus), PhD (Wellington University, NZ) : <b>Amira Najiha Yahya</b> BSc (Human Development & IT), MSc, PhD (UPM)

**JABATAN KURIKULUM DAN TEKNOLOGI PENGAJARAN**  
**DEPARTMENT OF CURRICULUM AND INSTRUCTIONAL TECHNOLOGY**

Ketua <i>Head of Department</i>	:	<b>Siti Hajar Halili</b> BScHons(UiTM), MAEduTech(USM), PhD(USM)
Profesor Kehormat <i>Honorary Professor</i>	:	<b>Saedah Siraj</b> BAHons(UM), DipEd, MEd(UM), PhD(Pittsburgh)
Profesor Madya <i>Associate Professor</i>	:	<b>Norlidah Alias</b> BEng(Monash), MEd(Mal), PhD(Mal)
	:	<b>Dorothy Dewitt</b> BScEd(Mal), MEd(Mal), PhD(Mal)
	:	<b>Farrah Dina Yusop</b> B.Mgt.Edu(Info Tech)(Hons)(UUM), MIT(UM)(Mal), PhD(Iowa State)
	:	<b>Rafiza Abdul Razak</b> BEdTESL(Hons)(UKM), MEd(Mal), PhD(UIA)
Pensyarah Kanan <i>Senior Lecturer</i>	:	<b>Chin Hai Leng</b> DipEd(UKM), BAHons(UKM), MMgmt(UM), PhD(UM)
	:	<b>Umi Kalsum Mohd Salleh</b> BAHons(USM), DipEd(USM), MEd(UKM), PhD(Adelaide)
	:	<b>Tee Meng Yew</b> BSc(Kansas), BA(Kansas), MBA(Kansas), PhD(Kansas)
	:	<b>Siti Hajar Halili</b> BScHons(UiTM), MAEduTech(USM), PhD(USM)
	:	<b>Mohd Shahril Nizam Shaharom</b> BScComp(UTM), Med(UTM), PhD(UM)
	:	<b>Nor Nazrina Mohamad Nazry</b> B.Tech(Hons) (UTP), MComp (ANU), PhD (Sheffield)
	:	<b>Norhashimi Saad</b> BlsEdHons(Mal), MAED(Warwick)

**JABATAN PENGURUSAN, PERANCANGAN DAN DASAR PENDIDIKAN**  
**DEPARTMENT OF EDUCATIONAL MANAGEMENT, PLANNING AND POLICY**

Ketua <i>Head of Department</i>	: <b>Muhammad Faizal A. Ghani</b> BBA(UUM), DipEd(MTC),ESL(Indiana), MBA(UKM), PhD(Mal)
Profesor Madya <i>Associate Professor</i>	: <b>Ahmad Zabidi Abdul Razak</b> BEdHons, MEd(Mal), PhD(Massey, New Zealand) : <b>Husaina Banu Kenayathulla</b> Bact(UIA), DipEd(UIA), Med(Mal), MSCED(Indiana), PhD(Indiana,USA) : <b>Kazi Enamul Hoque</b> BA(Dhaka), B.Ed(Rejshahi), MSS(Dhaka), M.Ed(Darul Ehsan), PhD(USM) : <b>Simin Ghavifekr</b> BEd(IAU), MEd(UPM), PhD(Mal) : <b>Zuraidah Abdullah</b> DipEd(Mal), BA(Mal), MPRinc(Mal), PhD(Mal)
Pensyarah Kanan <i>Senior Lecturer</i>	: <b>Donnie Adams a/l Paramasivam</b> BEd(Hons), PhD (Mal) : <b>Intan Marfarrina Binti Omar</b> BA (UTM), PhD (UTM) : <b>Kenny Cheah Soon Lee</b> BSc (UPM), MEd (UM), PhD (Mal) : <b>Norfariza Mohd Radzi</b> BAcc(Uniten), MBA(UPM), PhD(Mal)

**KAKITANGAN SOKONGAN**

Pejabat Dekan  
*Dean's Office*

Rosilawati Wahab  
Hafiz Jamaludin  
Mohd Rafi Bakri

Pejabat Timbalan  
*Deputy Dean's Office*

Fatimah Abu Talib  
Hannah Mirza Abdul Halim  
Melissa Mohamad Nor  
Nur Fathin Liyana Zulkifl

Jabatan  
*Department*

Asfaruzaila Abu Samah  
  
Azri Fazli Mohd Omar  
Khairul Amilin Mohamed  
Noorhaida Mohamad  
Norfaziin Aida Radzuan  
Rohaizal Akmal Ariffin  
Shahida Mahamud  
Zubaidah Omar

Pejabat Am  
*General Office*

Juriza Mahidin  
Mariamah Muhammad  
Norhasanah Sumadi  
Siti Mawadah Binti Mohd Shakir  
Yusri Mohammad Yusuf

**Ijazah Tinggi/ Higher Degree**

Faizah Bidain  
Fazlina Zakaria  
Faridah Ithnain  
Logeswari Nanessenderam  
Muhamat Yufpri Inun  
Norhafizah Mat Rahim  
Norasnira Abdullah Sani  
Nordiana Karim  
Norziana Maznun  
Sunita Abdul Aziz

**Ijazah Dasar/ Undergraduate Degree**

Helwa Rahiza Ahmad Saldi  
Mohd Salehuddin Md Zin  
Norkusharina Nasir @ Nasarudin

Bilik Dokumen & Rekod  
*Record & Document Room*

Siti Farah Quraisyiah Mohd Yusof

**KAKITANGAN SOKONGAN**  
**SUPPORT STAFF**

Unit Kemudahan  
*Facilities Units*

**Blok A *Block A***  
Mohd Hakim Sharuddin  
Yusuf Hamzah

**Blok B *Block B***  
Azrul Yusuf  
Mohd Hasri Che Ros

**Blok C *Block C***  
Mohd Hakim Sharuddin  
Ahmad Afandi Ayob  
Yusuf Hamzah

**Blok D *Block D***  
Anis Amija Amiruldin  
Ahmad Afandi Ayob

**Blok E *Block E***  
Mohd Hasri Che Ros  
Azry Nizam bin Wahid  
Azrul Yusuf

**Auditorium *Auditorium***  
Azrul Yusuf  
Mohd Hakim Sharuddin  
Azry Nizam bin Wahid

**Menara Pendidikan *Education Tower***  
Mohd Hasri Che Ros  
Azry Nizam bin Wahid

**Blok Pentadbiran *Administrative Block***  
Anis Amija Amiruldin  
Yusuf Hamzah

**Makmal Sains Serbaguna *Multipurpose Science Laboratory***  
Azlan Aziz  
Habibah Az- Zahra Abd Rahim

**Pusat Pencetus Bakat & Latihan Industri (CITra)**  
***Centre for the Initiation of Talent & Industrial Training Centre (CITra)***  
Anis Amija Amiruldin  
Ahmad Afandi Ayob

**Bangunan Hub Penyelidikan Pasca Siswazah**  
Azry Nizam bin Wahid  
Azrul Yusuf  
Yusuf Hamzah  
Ahmad Afandi Ayob  
Mohd Hasri Che Ros  
Mohd Hakim Sharuddin  
Anis Amija Amiruldin

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(DIPLOMA PASCASISWAZAH) 2020**

**Program Pengajian**

3. Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan hendaklah diklasifikasikan sebagai program pengajian secara perkuliahan sepenuhnya yang boleh melibatkan penghasilan laporan penyelidikan.

**Syarat Kemasukan**

4. (1) Syarat Minimum Kemasukan:

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengkhususan pertama (dengan sekurang-kurangnya CGPA 3.0),

ATAU

2. Ijazah Sarjana Muda (dengan sekurang-kurangnya CGPA 2.7); DAN

1. Sekurang-kurangnya enam (6) bulan pengalaman bekerja dalam bidang pendidikan;

ATAU

2. Lulus ujian bertulis yang ditentukan oleh Fakulti Pendidikan

ATAU

3. Kelayakan lain yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa.

ATAU

4. Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oleh Senat Universiti Malaya.

DAN

3. Lulus temuduga yang ditetapkan oleh Fakulti Pendidikan

**Syarat Tambahan Pelajar Antarabangsa :**

Calon antarabangsa perlu mempunyai sekurang-kurangnya IELTS (International English Language Testing Services)(Academic) band 5.5 atau TOEFL (Test as a Foreign Language) skor 550 (Paper based)/TOEFL-CBT (Computer based) 213/TOEFL-Ibt (Internet based) 80 jika ijazah pertama diperolehi dari universiti yang Bahasa Inggeris bukan bahasa pengantar atau lulus kursus bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh Universiti Malaya.

Memenuhi keperluan syarat Bahasa Malaysia sebelum penganugerahan ijazah

### Hasil Pembelajaran Program

Di akhir program, graduan akan dapat:

Domain MQF	Hasil Pembelajaran
PO1	Menguasai ilmu dan kemahiran <i>Pedagogical Content Knowledge (PCK)</i>
PO2	Menggunakan pendekatan sistematik dalam mempraktikkan amalan pendidikan dalam secara berkesan
PO3	Mempamerkan kemahiran sosial dan kemahiran praktikal dalam tanggungjawab terhadap masyarakat
PO4	Mengamalkan nilai beretika, profesionalisme dan integriti dalam mempraktikkan amalan pendidikan.
PO5	Berkomunikasi dengan berkesan, berkebolehan bekerja dalam satu kumpulan dan menunjukkan kepimpinan
PO6	Mengamalkan dan mempraktikkan kaedah-kaedah pendidikan dalam menyelesaikan masalah
PO7	Menggunakan kemahiran pengurusan maklumat dan amalan-amalan pendidikan serta berkeupayaan meningkatkan pengetahuan melalui pembelajaran sepanjang hayat

**STRUKTUR PROGRAM  
DIPLOMA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN, UNIVERSITI MALAYA**

Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (DPP) mengandungi lima komponen kesemuanya; Teras Pendidikan, Persediaan Profesional, Pengkhususan Pertama, dan Pengkhususan Kedua.

<b>Teras Pendidikan (15 Kredit)</b>	<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
	PQI6001	Sejarah dan Asas Falsafah Pendidikan	3
	PQI6002	Sosiologi Pendidikan	3
	PQI6003	Etika, Akhlak dan Perundangan dalam Pendidikan	3
	PQI6004	Aplikasi Pembangunan dan Penilaian Kurikulum	3
	PQI6005	Asas Psikologi dan Kaunseling dalam Pendidikan	3
<b>Persediaan Profesional (6 Kredit)</b>	<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
	PQI6006	Pengalaman sekolah	2
	PQI6007	Latihan Mengajar	4
<b>Pengkhususan Pertama (9 Kredit)</b>	Pilih hanya SATU pengkhususan pertama: <b>(3 kursus)</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pendidikan Islam</li> <li>2. Pendidikan Jasmani dan Kesihatan</li> <li>3. Pendidikan Sejarah</li> <li>4. Pendidikan Fizik Lanjutan</li> <li>5. Pendidikan Kimia Lanjutan</li> <li>6. Pendidikan Biologi Lanjutan</li> <li>7. Pendidikan Matematik Lanjutan</li> <li>8. Pendidikan Sains Komputer Lanjutan</li> <li>9. Pendidikan Kejuruteraan Lanjutan</li> <li>10. Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua</li> <li>11. Pendidikan Bahasa Melayu</li> <li>12. Pendidikan Bahasa Cina</li> <li>13. Pendidikan Tahfiz</li> <li>14. Rekabentuk Pengajian Inovatif</li> </ol>		
<b>Pengkhususan Kedua (6 Kredit)</b>	Pilih hanya SATU pengkhususan kedua: <b>(2 kursus)</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pendidikan Bahasa Arab</li> <li>2. Pendidikan Moral</li> <li>3. Pendidikan Fizik Asas</li> <li>4. Pendidikan Kimia Asas</li> <li>5. Pendidikan Biologi Asas</li> </ol>		

	<ol style="list-style-type: none"><li>6. Pendidikan Matematik Asas</li><li>7. Pendidikan Sains Komputer Asas</li><li>8. Pendidikan Kejuruteraan Asas</li><li>9. Pendidikan Kesusasteraan Bahasa Inggeris</li><li>10. Pendidikan Kesusasteraan Melayu</li><li>11. Pendidikan Kesusasteraan Cina</li><li>12. Pendidikan Asas Sejarah</li><li>13. Pembangunan Pakej Pengajaran</li></ol>
--	---

**Jumlah: 36 jam kredit**

**SENARAI KURSUS  
DIPLOMA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN, UNIVERSITI MALAYA**

**STRUKTUR KURSUS TERAS PENDIDIKAN**

<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6001	Sejarah dan Asas Falsafah Pendidikan	<b>3</b>
PQI6002	Sosiologi Pendidikan	<b>3</b>
PQI6003	Etika, Akhlak dan Perundangan dalam Pendidikan	<b>3</b>
PQI6004	Aplikasi Pembangunan dan Penilaian Kurikulum dan Rekabentuk Pengajaran	<b>3</b>
PQI6005	Asas Psikologi dan Kaunseling dalam Pendidikan	<b>3</b>
PQI6006	Pengalaman sekolah	<b>2</b>
PQI6007	Latihan Mengajar	<b>4</b>

**STRUKTUR KURSUS PENGKHUSUSAN PERTAMA**

<b>Pendidikan Islam</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6008	Asas Kurikulum dan Pengajaran Pakar dalam Pendidikan Islam	<b>3</b>
PQI6009	Teori Pedagogi dan Aplikasi dalam Pengajaran Pendidikan Islam	<b>3</b>
PQI6010	Praktik Pedagogi dan Simulasi Pengajaran	<b>3</b>

<b>Pendidikan Jasmani dan Kesihatan</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6011	Pendidikan Jasmani, Kesihatan dan Kokurikulum	<b>3</b>
PQI6012	Kaedah Dalam Pendidikan Jasmani	<b>3</b>
PQI6013	Prinsip Pembelajaran Motor dan Psikologi Sukan	<b>3</b>

<b>Pendidikan Sejarah</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6014	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Sejarah Dunia	3
PQI6015	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Sejarah Islam	3
PQI6016	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Sejarah Malaysia dan Asia Tenggara	3

<b>Pendidikan Fizik Lanjutan</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6017	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Elektrik dan Kemagnetan	3
PQI6018	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Gelombang Cahaya dan Bunyi	3
PQI6019	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Fizik dan Nuklear	3

<b>Pendidikan Kimia Lanjutan</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6020	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran dalam Kimia Fizikal	3
PQI6021	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran dalam Kimia Inorganik	3
PQI6022	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran dalam Kimia Organik	3

<b>Pendidikan Biologi Lanjutan</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6023	Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran Biologi Sel	3
PQI6024	Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran Ekologi dan Kepelbagaian	3
PQI6025	Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran Fisiologi Organisma	3

<b>Pendidikan Matematik Lanjutan</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6026	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Algebra	3
PQI6027	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Kalkulus	3
PQI6028	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Statistik	3

<b>Pendidikan Sains Komputer Lanjutan</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6029	Kemahiran Digital dalam Pendidikan	3
PQI6030	Objek Rangkaian Internet untuk Pendidikan	3
PQI6031	Teknologi Audio Video Digital dalam Multimedia	3

<b>Pendidikan Kejuruteraan Lanjutan</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6032	Pentaksiran dalam Pendidikan Kejuruteraan	3
PQI6033	Trend dan Isu dalam Pendidikan Kejuruteraan	3
PQI6034	Kurikulum dan Pedagogi dalam Pendidikan Kejuruteraan	3

<b>Pendidikan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6035	Foundations for TESL Methodology	3
PQI6036	Grammar in the ESL Classroom	3
PQI6037	Integrated Language Skills for the ESL Classroom	3

<b>Pendidikan Bahasa Melayu</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6038	Prinsip & Amalan Pengajaran Bahasa Melayu	3
PQI6039	Perancangan Dasar & Kurikulum Bahasa Melayu	3
PQI6040	Kajian Perkembangan Literasi Bahasa Melayu	3

<b>Pendidikan Bahasa Cina</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6041	Prinsip dan Amalan Pengajaran Bahasa Cina	3
PQI6042	Pengajian Kurikulum Bahasa Cina	3
PQI6043	Pengajaran Linguistik Bahasa Cina	3

<b>Pendidikan Tahfiz</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6044	Asas Kurikulum dan Bidang Pengajaran Pakar dalam Pendidikan Tahfiz	3
PQI6045	Teori Pedagogi dan Aplikasi dalam Pengajaran Pendidikan Tahfiz	3
PQI6046	Praktik Pedagogi dan Simulasi Pengajaran dalam Pendidikan Tahfiz	3

<b>Rekabentuk Pengajaran Inovatif</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6047	Rekabentuk Pengajaran Dinamik	3
PQI6048	Model dan Inovasi Rekabentuk Pengajaran	3
PQI6049	Rekabentuk Sistem Pengajaran	3

#### **STRUKTUR KURSUS PENGKHUSUSAN KEDUA**

<b>Pendidikan Bahasa Arab</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6050	Kurikulum dan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab	3
PQI6051	Pengajaran Mikro Bahasa Arab	3

<b>Pendidikan Moral</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6052	Kurikulum dan Metodologi Pengajaran Pendidikan Moral	3
PQI6053	Simulasi Pengajaran Pendidikan Moral	3

<b>Pendidikan Fizik Asas</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6054	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Mekanik dan Dinamik	3
PQI6055	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Jirim dan Tenaga	3

<b>Pendidikan Kimia Asas</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6056	Trend dan Isu dalam Pendidikan Kimia	3
PQI6057	Kerja Amali Dalam Kimia	3

<b>Pendidikan Biologi Asas</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6058	Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran Genetik	3
PQI6059	Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran Konsep Baru Muncul dalam Biologi	3

<b>Pendidikan Matematik Asas</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6060	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Geometri	3
PQI6061	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Matematik Diskrit	3

<b>Pendidikan Sains Komputer Asas</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6062	Persekitaran Pembelajaran berasaskan Web	3
PQI6063	Asas Pembangunan Aplikasi Mobil	3

<b>Pendidikan Kejuruteraan Asas</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6064	Pengurusan Bengkel, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Pendidikan	3
PQI6065	Prinsip Teknologi Pengajaran dalam Pendidikan Kejuruteraan	3

<b>Pendidikan Kesusasteraan Bahasa Inggeris</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6066	Teaching literature in the English classroom	3
PQI6067	Simulated Teaching in TESL	3

<b>Pendidikan Kesusasteraan Melayu</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6068	Pengajaran Kesusasteraan Dalam Bahasa Melayu	<b>3</b>
PQI6069	Pengukuran dan Penilaian Dalam Pendidikan Bahasa Melayu	<b>3</b>

<b>Pendidikan Kesusasteraan Cina</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6070	Pengajaran Kesusasteraan Cina	<b>3</b>
PQI6071	Pentaksiran dalam Pendidikan Cina	<b>3</b>

<b>Pendidikan Sejarah Asas</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6070	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Sejarah Zaman Pra-Sejarah dan Tamadun Awal Dunia	<b>3</b>
PQI6071	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Sejarah Kesultanan Melayu dan Kedatangan Kuasa Barat	<b>3</b>

<b>Pembangunan Pakej Pengajaran</b>		
<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
PQI6074	Membangunkan Pembelajaran Interaktif 1	<b>3</b>
PQI6075	Membangunkan Pembelajaran Interaktif 2	<b>3</b>

## PENGALAMAN SEKOLAH

### 1. LATAR BELAKANG KURSUS PENGALAMAN SEKOLAH

- Pengalaman Sekolah adalah satu kursus dalam program Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang merupakan komponen pertama dalam persediaan profesional guru pra-perkhidmatan di institusi pendidikan. Tujuan komponen ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar memahami persekitaran sekolah/kolej sebagai sebuah institusi pendidikan di samping memerhatikan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah/kuliah. Melalui pemerhatian di bilik darjah/kuliah, pelajar akan dapat menganalisis peranan dan tanggungjawab seorang guru/pensyarah, terdedah kepada pelbagai pendekatan pengajaran serta mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru/pensyarah dalam pengajaran di bilik darjah dan serta masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran.
- Dalam tempoh ini, pelajar akan mendampingi seorang guru (mengikut pengkhususan masing-masing) dalam menjalankan tugasnya di dalam serta di luar bilik darjah/kuliah dan memerhatikan pengajaran guru/pensyarah tersebut. Pelajar juga diminta mengumpulkan maklumat mengenai sistem pengurusan dan iklim sekolah.
- Dalam kursus ini pelajar akan menulis laporan pemerhatian dan refleksi pengalaman sekolah mereka.

### 2. HASIL PEMBELAJARAN

Di akhir kursus Pengalaman Sekolah, pelajar akan dapat:

1. memahami peranan dan tanggungjawab guru / pensyarah.
2. menerangkan cabaran pengajaran/kuliah di dalam kelas.
3. menerangkan pelbagai pendekatan yang digunakan oleh guru/pensyarah dalam pengajaran.
4. menerangkan pelbagai isu dalam pengajaran dan pembelajaran peringkat menengah/pra universiti

### 3. PELAKSANAAN

#### A. Tempoh dan Tempat Pelaksanaan

Pengalaman Sekolah akan dijalankan dalam tempoh 3 hingga 4 minggu. Penempatan pelajar bagi pengalaman sekolah adalah di sekolah/institusi pendidikan yang dipilih oleh pelajar.

#### B. Prosedur Pelaksanaan

- i. Fakulti akan menyediakan surat kebenaran dan maklumat penempatan pelajar bagi pengalaman sekolah di sekolah/institusi pendidikan yang telah dipilih oleh pelajar.
- ii. Surat berkenaan juga sebagai pengenalan bagi pelajar dan akan diserahkan kepada pentadbiran sekolah/institusi pendidikan semasa melapor diri.
- iii. Tugas bagi kursus ini memerlukan pelajar mengumpulkan maklumat dan bukti daripada dokumen, temu bual dan pemerhatian. Hasilnya, pelajar akan menyediakan laporan bertulis untuk dihantar kepada penyelarasan pengkhususan dan seterusnya dinilai bagi tujuan pemarkahan.
- iv. Laporan tersebut mesti diserahkan kepada penyelarasan pengkhususan selewat-lewatnya pada hari Jumaat minggu ketiga semester berikutnya.
- v. Lulus dalam kursus PQI6006 Pengalaman Sekolah adalah pra syarat bagi mengikuti kursus PQI6007 Latihan Mengajar.

#### C. Kehadiran

- i. Kehadiran di sekolah/institusi pendidikan yang ditempatkan adalah 100% pada waktu operasi.
- ii. Sekiranya guru pelatih tidak dapat memenuhi syarat ini kerana alasan perubatan, guru pelatih harus menyerahkan Sijil Cuti Sakit tidak lebih daripada 3 hari. Sekiranya ketidakhadiran guru pelatih melebihi 3 hari,

tanpa sebab yang dibenarkan, guru pelatih tersebut perlu melakukan penempatan semula pada suatu tarikh mengikut ketetapan fakulti.

#### **D. Penilaian**

Penilaian kursus Pengalaman Sekolah adalah berdasarkan tugas berikut:

- i. Tugas 1: Profil sekolah / Institusi Pendidikan (35%)
- ii. Tugas 2: Analisis pemerhatian pengajaran dan pembelajaran guru (50%)
- iii. Tugas 3: Jurnal Refleksi Pengalaman Sekolah (15%)

#### **4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB GURU PELATIH**

---

- i. Menghadiri taklimat untuk kursus Pengalaman Sekolah
- ii. Memahami objektif kursus Pengalaman Sekolah
- iii. Kemukakan Surat Pengenalan Pelajar semasa melaporkan penempatan di sekolah/institusi pendidikan dan membina hubungan positif dengan komuniti institusi.
- iv. Tandatangan kehadiran setiap hari dalam Borang Kehadiran Pengalaman Sekolah dan kumpulkan borang dari pentadbir sekolah/institusi setelah selesai penempatan.
- v. Perhatikan dan kumpulkan maklumat dan bukti yang diperlukan untuk tugas yang ditetapkan.
- vi. Sediakan laporan bertulis untuk tugas yang diberi.
- vii. Menyerahkan tugas (laporan bertulis) kepada penyelarasan pengkhususan sebelum tarikh akhir yang ditetapkan.

## LATIHAN MENGAJAR

### 1. LATAR BELAKANG KURSUS LATIHAN MENGAJAR

---

- Latihan Mengajar adalah komponen kedua dalam pendidikan profesional guru pra-perkhidmatan yang akan dijalankan pada Semester II, setiap sesi pengajian. Guru pelatih adalah dikehendaki untuk mengajar di bawah penyeliaan seorang pensyarah Universiti Malaya dan seorang guru pembimbing daripada sekolah/institusi pendidikan.
- Dalam tempoh ini, guru pelatih cuba menyatupadukan apa yang telah mereka pelajari tentang teori pendidikan dan kaedah pengajaran dalam mata pelajaran pengkhususan masing-masing dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebenar di bilik darjah/kuliah.
- Guru pelatih perlu menyediakan rancangan pengajaran semester, rancangan pengajaran mingguan, rancangan pengajaran harian, alat bantu mengajar, bahan pentaksiran dan menyimpan rekod keputusan pentaksiran murid. Guru pelatih juga dikehendaki untuk menjalankan kajian tindakan semasa Latihan Mengajar ini. Guru pelatih perlu melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum dan aktiviti penting di institusi pendidikan berdasarkan ketetapan pihak pentadbir.

### 2. HASIL PEMBELAJARAN

---

Di akhir kursus Latihan Mengajar, pelajar akan dapat:

1. Mereka bentuk dan membangunkan rancangan pengajaran dan bahan pengajaran yang berkesan.
2. Memilih dan mengaplikasi pendekatan pengajaran yang sesuai untuk mengajar matapelajaran pengkhususan.
3. Merefleksi pengajaran dan melaporkan keputusan kajian tindakan yang telah dijalankan di kelas.

### 3. MATLAMAT LATIHAN MENGAJAR

---

Melalui kursus latihan mengajar ini, guru pelatih akan berpeluang untuk:

1. mengaplikasi teori dan prinsip pengajaran dalam kelas
2. mengembangkan kecekapan merancang pengajaran
3. mencuba pelbagai teknik pengajaran
4. memahami proses pembelajaran guru pelatih
5. mengasah kemahiran menilai dan memajukan pembelajaran guru pelatih
6. menilai keberkesanan pengajaran sendiri
7. menghayati ciri dan peranan guru yang berkesan

### 4. PROSEDUR PELAKSANAAN

---

#### A. Tempoh Pelaksanaan

Latihan Mengajar akan dijalankan dalam tempoh 8 sehingga 10 minggu.

#### B. Latar Belakang Pelaksanaan

- i. Setiap guru pelatih akan dibimbing dan diselia oleh seorang pensyarah dari Universiti Malaya dan seorang guru/pensyarah pembimbing yang dilantik oleh pihak sekolah/institusi tempat menjalani Latihan Mengajar. Guru pelatih akan dicerap sekurang-kurangnya dua kali oleh pensyarah penyelia dari Fakulti Pendidikan dan sekurang-kurangnya empat kali oleh guru pensyarah pembimbing berkenaan.

- ii. Semasa Latihan Mengajar, setiap guru pelatih dijangka akan mengajar di antara 8 sehingga 10 waktu dalam seminggu (6 masa bagi pengkhususan pertama dan 4 masa bagi pengkhususan kedua untuk pengkhususan terpilih).
- iii. Pada minggu pertama setiap guru pelatih dikehendaki menyiapkan rancangan pengajaran semester yang mengandungi perancangan untuk 8 hingga 10 minggu.
- iv. Setiap guru pelatih perlu menulis rancangan pengajaran mingguan yang dibuat pada setiap minggu sebelum pengajaran dilaksanakan pada minggu berikutnya.
- v. Guru pelatih perlu menyediakan rancangan pengajaran harian dan bahan pengajaran. Rancangan pengajaran harian perlu dibuat awal sebelum proses pengajaran dan pembelajaran berlaku di dalam kelas/bilik kuliah.
- vi. Selepas pengajaran, guru pelatih dikehendaki menulis refleksi dalam rancangan pengajaran harian yang disediakan.
- vii. Guru pelatih bertanggungjawab memaklumkan / menjemput pensyarah penyelia / guru pembimbing untuk menyertai sesi pengajaran dan pembelajaran atas talian bagi tujuan pencerapan sekiranya ada.
- viii. Guru pelatih mungkin dikehendaki merakam satu video pengajaran yang dipilih sendiri dalam mana-mana sesi pengajaran dan dihantar kepada penyelia dalam bentuk soft copy beserta rancangan pengajaran harian yang dilaksanakan semasa sesi tersebut.
- ix. Semasa latihan mengajar, guru pelatih juga perlu melakukan kajian tindakan.
- x. Kajian tindakan ini memerlukan guru pelatih mengenal pasti dan mendiagnosis masalah pengajaran dan pembelajaran serta mengenal pasti beberapa penyelesaian untuk masalah tersebut. Kemudian, guru pelatih akan memilih salah satu penyelesaian dan percubaan dalam situasi pengajaran dan pembelajaran sebenar dan menilai keberkesanan percubaan berkenaan. Guru pelatih akan menulis laporan penyelidikan tindakan yang akan diserahkan kepada penyelia untuk dinilai pada penghujung Latihan Mengajar.
- xi. Guru pelatih juga perlu mengisi borang kehadiran setiap hari persekolahan sebelum bermula waktu persekolahan dengan melaporkan kehadiran kepada guru/pensyarah pembimbing sekiranya pembelajaran dilakukan secara maya.

### **C. Kehadiran**

- i. Kehadiran harian di institusi pendidikan adalah 100% pada waktu operasi.
- ii. Namun sekiranya sekolah/institusi pendidikan tidak beroperasi secara bersemuka, guru pelatih perlu memaklumkan kehadiran mereka kepada guru pembimbing dengan mengisi borang kehadiran yang disediakan.
- iii. Sekiranya guru pelatih tidak dapat memenuhi syarat ini kerana alasan perubatan, guru pelatih harus menyerahkan Sijil Cuti Sakit bagi cuti yang tidak lebih daripada 5 hari. Sekiranya guru pelatih tidak hadir antara di antara 5 sehingga 10 hari, maka guru pelatih tersebut perlu melakukan penempatan tambahan selama 2 minggu. Sekiranya guru pelatih tidak hadir melebihi 10 hari bekerja, maka guru pelatih tersebut perlu menangguhkan Latihan Mengajar ke suatu tarikh mengikut ketetapan fakulti.

### **D. Penilaian**

Guru pelatih akan dinilai berasaskan kepada komponen berikut:

- iv. Pencerapan oleh penyelia
- v. Pencerapan oleh guru pembimbing
- vi. Laporan Kajian Tindakan

### E. Pencerapan Latihan Mengajar

- i. Setiap guru pelatih akan dicerap dan dinilai sekurang-kurangnya 4 kali oleh guru pembimbing dan 2 kali oleh penyelia. Setiap pencerapan akan dinilai dengan menggunakan Borang Penilaian Latihan Mengajar.
- ii. Pemberatan penilaian adalah melibatkan:
  - 30% Perancangan pengajaran (*Planning*)
  - 60% Pelaksanaan pengajaran (*Implementation*)
  - 10% Sikap dan personaliti (*Attitudes & Personality*)
- iii. Setiap pencerapan akan diberikan markah penuh 100%
- iv. Markah dan gred daripada setiap pencerapan akan dirujuk dalam mempertimbangkan markah akhir Latihan Mengajar yang turut melibatkan Laporan Kajian Tindakan dengan gred seperti berikut:

Markah	Gred	Mata Gred	Maksud
90-100	A+	4.0	Amat Cemerlang
80-89	A	4.0	Cemerlang
75-79	A -	3.7	Cemerlang
70-74	B+	3.3	Lulus
65-69	B	3.0	Lulus
60-64	B-	2.7	Gagal
55-59	C+	2.3	Gagal
50-54	C	2.0	Gagal
45-49	C-	1.7	Gagal
40-44	D+	1.5	Gagal
35-39	D	1.0	Gagal
< 35	F	0	Gagal

### 5. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB GURU PELATIH

- i. Menghadiri taklimat untuk kursus Latihan Mengajar dan penyelidikan tindakan
- ii. Memahami objektif kursus Latihan Mengajar
- iii. Mengemukakan surat penempatan Latihan Mengajar daripada Universiti Malaya semasa melapor diri di institusi pendidikan yang ditempatkan dan membina hubungan positif dengan komuniti institusi.
- iv. Ikuti kod dan etika pakaian pegawai Perkhidmatan Awam dengan tanda nama
- v. Menandatangani borang kehadiran setiap hari dalam Borang Kehadiran Latihan Mengajar dan borang ini perlu disahkan oleh pentadbir setelah tamat penempatan Latihan Mengajar.
- vi. Menghantar jadual pengajaran kepada penyelia yang dilantik oleh Fakulti Pendidikan.
- v. Mematuhi semua peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh institusi pendidikan

### 6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB GURU PEMBIMBING DAN PENYELIA

- i. Memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada guru pelatih tentang:
  - Jadual waktu
  - Kurikulum
  - Rancangan kerja semester dan persediaan mengajar harian
  - Sumber pengajaran pembelajaran
  - Proses pengajaran pembelajaran
  - Pengurusan tingkah laku murid di dalam kelas (secara atas talian/ bersemuka)
  - Pembinaan ujian bertulis
  - Penyediaan Fail Rekod Mengajar
- ii. Membimbing guru pelatih ke arah perkembangan sahsiah pendidik terutama dari segi pergaulan yang sihat, peningkatan jati diri dan pemupukan nilai profesional keguruan.
- iii. Menyelia pengajaran guru pelatih dengan menggunakan borang penyeliaan yang disediakan.
- iv. Menyimpan rekod dan dokumen penyeliaan yang kemas kini dan menyerahkannya kepada universiti mengikut jadual kerja yang ditetapkan.

- v. Memaklumkan kepada pentadbir sekolah / institusi pendidikan dan Fakulti Pendidikan, UM mengenai kemajuan guru pelatih daripada masa ke masa.
- vi. Memantau dan memaklumkan sebarang masalah disiplin guru pelatih kepada pentadbir sekolah/ institusi pendidikan dan Fakulti Pendidikan, UM dengan segera.
- vii. Memantau kehadiran guru pelatih
- viii. Guru pembimbing menghantar borang penilaian penyeliaan kepada penyelia guru pelatih / Penyelaras Persediaan Professional Fakulti Pendidikan.

## SINOPSIS KURSUS TERAS PENDIDIKAN

### PQI6001 SEJARAH DAN ASAS FALSAFAH PENDIDIKAN

Kursus akan membincangkan sejarah perkembangan falsafah pendidikan utama Barat seperti perenialisme, progresivisme, dan esensialisme yang mempengaruhi perkembangan falsafah pendidikan dunia. Perbandingan akan dibuat dengan falsafah pendidikan Islam. Dengan latar belakang ini, sejarah perkembangan pendidikan di Malaysia akan dikaji untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi polisi dan amalan pendidikan dari semasa ke semasa. Tumpuan akan diberi terhadap perkembangan terkini seperti Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan pelaksanaan KBSM serta KSSM. Pelajar juga akan dibimbing untuk mengenal pasti andaian di sebalik pelbagai pendekatan terhadap pengajaran dan seterusnya menyedari falsafah pendidikan masing-masing.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu

#### Rujukan Utama:

Samuel. M, Tee, M.Y, Symaco, L.P. (2017) *Education in Malaysia: Developments and Challenges*. Singapore: Springer.  
Dzulkifli Abdul Razak & Rosnani Hashim (2019), *Pentafsiran Baharu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelaksanaannya Pasca 2020*. Gombak Gombak: IIUM Press.  
Nel Noddings, (2018) *Philosophy of Education*. (4<sup>th</sup> ed.) New York: Westview Press

### PQI6002 SOSIOLOGI PENDIDIKAN

Kursus ini akan mendedahkan kepada para pelajar mengenai konsep, pengertian dan peranan pendidikan dalam konteks sosiologi. Pelajar juga akan didedahkan teori-teori sosiologi pendidikan dan impaknya seperti: Fungsionalisme, konflik, interaksionisme dan pasca-modernisme. Pelajar juga akan dapat memahami persekitaran dan iklim institusi pendidikan, cabaran masalah disiplin dikalangan pelajar serta usaha menyelesaikannya. Pelajar juga akan didedahkan dengan hubungan antara institusi dan struktur masyarakat, perbezaan status sosio-ekonomi, kesaksamaan peluang pendidikan, mobiliti sosial dan kurikulum tersembunyi

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu

#### Rujukan Utama:

Azam Othman (2021) *Sociology of education with an Islamic perspective*, Gombak: IIUM Press.  
Filiz Meseci Giorgetti, Ali Arslan, Craig Campbell (2018). *Culture and Education: Looking Back to Culture Through Education*. Routledge, Taylor & Francis Group.  
Alireza Moula (2017) *Brain, school, and society: The neuropsychosocial preparation theory*. Switzerland: Springer Nature.

### PQI6003 ETIKA, AKHLAK DAN PERUNDANGAN DALAM PENDIDIKAN

Kursus ini mendedahkan pelajar dengan teori dan amalan nilai sebenar dalam bidang pendidikan yang mencakupi definisi, konsep dan ciri etika dan akhlak. Kursus ini bertujuan untuk membolehkan pelajar memahami kepentingan etika dan agama ke arah perkembangan insan yang mulia serta merancang pelajar untuk mengamalkan tingkah laku yang beretika dan bersifat keguruan. Disamping itu kursus ini dapat memberi penilaian terhadap peranan undang-undang di dalam penyelesaian konflik yang timbul dalam perhubungan pendidikan dan mengenalpasti ubah ansur polisi kerajaan berkaitan sistem pendidikan dan profesion perguruan Negara. Membahas dan membincangkan isu-isu kontemporari berkaitan sistem pendidikan dan profesion perguruan Negara. Kandungan kursus antara lainnya adalah perbincangan mengenai peruntukan perundangan serta polisi-polisi berkaitan, pengawalan sistem pendidikan, akses kepada sistem pendidikan di Malaysia, penguatkuasaan disiplin di sekolah, hak saksama untuk mendapatkan pendidikan tanpa diskriminasi, prosedur tatacara disiplin kecuaiian sekolah dan guru, dan dakwaan kecuaiian kependidikan dan kesannya

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu

Peperiksaan – 30%

**Rujukan Utama:**

- R. Scott Webster, John D. Whelen (2019). *Rethinking reflection and ethics for teachers*. Springer Nature: London
- Zaharah Hussin Ahmad Arifin Sapar Ab Halim Tamuri (2017). *Pendidikan Akhlak: Analisis dan reka bentuk kurikulum*. University of Malaya Press: Kuala Lumpur
- Hazizah Kassim. (2020) *Literasi undang-undang untukmu guru*. Bangi: Akademi Hazizah

**PQI6004 APLIKASI PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KURIKULUM DALAM REKA BENTUK PENGAJARAN**

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada konsep-konsep bagi dalam aplikasi reka bentuk dan pembangunan kurikulum. Pelajar akan mempelajari cara merekabentuk dan membangunkan kurikulum dengan tujuan menghasilkan satu pakej pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan kumpulan sasaran. Mereka akan melalui proses sistem kitaran pembangunan kurikulum bermula dari analisis, rekabentuk, pembangunan, aplikasi dan penilaian kebergunaan. Fasa penilaian produk di buat di beberapa peringkat bagi memastikan jaminan kualiti produk. Pada akhir kursus, mereka menghasilkan kurikulum kursus dengan aplikasi yang bersesuaian.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu

**Rujukan Utama:**

- Murray P. (2021). *Curriculum Development and Design*. London: Routledge.
- Blokdyk, G. (2020). *Principles Of Instructional Design A Complete Guide*. 5STARCOoks.
- McNulty, N. (2020). *Bloom's 4.0: Bloom's taxonomy for the digital classroom*.

**PQI6005 ASAS PSIKOLOGI DAN KAUNSELING DALAM PENDIDIKAN**

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada peranan dan keperluan bidang psikologi dan kaunseling dalam seting pendidikan. Pelajar juga mempelajari teori asas psikologi dan kaunseling serta aplikasi teori tersebut dalam menguruskan pelajar di sekolah. Jenis perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang boleh diperkenalkan dan diaplikasi di sekolah juga akan didedahkan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu

**Rujukan Utama:**

- Castle, P. & Buckler, S. (2018) *Psychology for Teachers*, (2<sup>nd</sup> edition). London: SAGE Publishing
- Knap, S.E. & Jongsma, S.E. (2021) *The school counselling & school social work*. London: SAGE Publishing
- Woolfolk, A. (2020) *Educational psychology: Active learning*, (14<sup>th</sup> edition). New York: Pearson

**PQI6006**

**PENGALAMAN SEKOLAH**

Ini adalah komponen pertama dalam pendidikan profesional guru yang akan dijalankan pada Semester Khas Tahun Kedua program. Tujuan komponen ini adalah untuk memberikan pelajar peluang untuk mencerap pengajaran beberapa orang guru pembimbing. Daripada pencerapan kelas ini, pelajar akan berpeluang untuk membuat refleksi peranan dan tanggungjawab, mengenal pasti pelbagai pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru serta cabaran dalam pengajaran di kelas dan masalah pembelajaran murid dalam mata pelajaran pengkhususan. Dalam tempoh ini, pelajar akan mengikuti seorang guru pembimbing dalam menjalankan tugasnya di dalam dan di luar kelas dan mencerap beberapa orang guru menjalankan pengajaran mereka. Selain daripada itu, pelajar juga dikehendaki untuk mengumpul maklumat berkaitan sistem pengurusan sekolah dan iklim persekitaran sekolah. Dalam kursus ini, pelajar akan menulis laporan pencerapan dan refleksi mereka daripada pengalaman sekolah mereka.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 100%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu

**Rujukan Utama:**

Amir Hamzah Aman. *Praktikum klimaks latihan mengajar*. Selangor: MK e-Solutions Sdn. Bhd.

Mundy, B. (2021) *Succeeding on your school experience placement*. Singapore: SAGE Publication

Capel, S., Leask, M. & Younie, S. (2019) *Learning to teach in secondary school: A companion to school experience*. New York: Routledge

**PQI6007**

**LATIHAN MENGAJAR**

Ini adalah komponen kedua dalam persediaan profesional bagi para calon guru terlatih. Pelajar adalah dikehendaki untuk mengajar di bawah penyeliaan seorang pensyarah dan seorang guru pembimbing selama tempoh yang ditetapkan. Dalam tempoh tersebut, pelajar cuba menyatupadukan apa yang telah mereka pelajari tentang teori pendidikan dan kaedah pengajaran dalam mata pelajaran pengkhususan masing-masing ke dalam pengajaran dan pembelajaran sebenar di bilik darjah. Pelajar perlu menyediakan rancangan pengajaran, alat bantu mengajar, bahan pentaksiran dan menyimpan rekod pembelajaran murid. Pelajar juga dikehendaki untuk menjalankan kajian tindakan semasa Latihan Mengajar ini. Bila mungkin, pelajar perlu melibatkan diri dalam aktiviti penting di institusi pendidikan tersebut.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 100%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu

**Rujukan Utama:**

Amir Hamzah Aman. *Praktikum klimaks latihan mengajar*. Selangor: MK e-Solutions Sdn. Bhd.

Muijs, D. & Reynolds, D. (2017) *Effective teaching: Evidence and practice. 4th Ed*. London: SAGE

Paula Zwozdiak-Myers (2018) *The teacher's reflective practice handbook: becoming an extended professional through capturing evidence-informed practice*. New York: Routledge

## SINOPSIS KURSUS PENGKHUSUSAN PERTAMA

### PENDIDIKAN ISLAM

#### PQI6008 ASAS KURIKULUM DAN PENGAJARAN PAKAR DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Kursus ini mempersiapkan pelajar untuk menyampaikan kurikulum Pendidikan Islam peringkat menengah dan pra universiti. Ia direkabentuk untuk mendedahkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam abad ke-21. Antara topik utama yang akan dibincangkan ialah kurikulum Pendidikan Islam daripada aspek perancangan, pembangunan, pengurusan, pelaksanaan, penilaian dan perubahan. Ia turut menyentuh isu dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Arab

#### Rujukan Utama:

Nor Asniza Ishak, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak (2021) *Pedagogi meningkatkan kualiti intelektual pelajar*. Pulau Pinang: Penerbit USM  
Miftachul Huda, Jimaain Safar, Ahmad Kilani Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Bushrah Basiron (Eds.) (2020) *Global perspectives on teaching and learning paths in Islamic education*. Hershey: IGI Global  
Azizi Jaafar (2019) *Asas pembangunan kurikulum dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

#### PQI6009 TEORI PEDAGOGI DAN APLIKASI DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

Kursus ini akan membincangkan perspektif dan amalan pedagogi dalam Pendidikan Islam terutamanya yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Antara topik utama yang akan dibincangkan ialah proses pengajaran dan pembelajaran, objektif pengajaran dan pembelajaran, teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran, pengurusan bilik darjah serta penilaian pengajaran.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Arab

#### Rujukan Utama:

Mohd Isha Awang, Nurulwahida Hj Azid @ Aziz (2020) *Strategi Pengajaran dan Pembelajaran*, Sintok: UUM Press  
Chotibul Umam (2020) *Inovasi Pendidikan Islam: Strategi dan Metode Pembelajaran PAI di Sekolah Umum*, Riau: CV. Dotplus Publisher  
Glenn Hardaker, Aishah Ahmad Sabki (2018) *Pedagogy in Islamic Education: The Madrasah Context*, Bingley: Emerald Group Publishing

#### PQI6010 PRAKTIK PEDAGOGI DAN SIMULASI PENGAJARAN DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Kursus ini akan dapat memberikan pemahaman konsep dan ciri simulasi pengajaran dan pengajaran mikro, melatih menulis rancangan pengajaran, memberi pengalaman mengajar dan cara mengendalikan kelas dengan baik serta mengaplikasikan pelbagai teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam praktikal pengajaran mikro dan simulasi pengajaran.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 100%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Arab

#### Rujukan Utama:

Uswatun Khasanah (2020) *Pengantar microteaching*. Yogyakarta: Deepublish  
Pollard, A. et. al (2018) *Reflective teaching in schools: 5th edition*. London: Bloomsbury Publishing

DiPaola, M. & Wagner, C. A. (2018) *Improving instruction through supervision, evaluation, and professional development: 2nd edition*. North Carolina: Information Age Publishing

## PENDIDIKAN JASMANI DAN KESIHATAN

**PQI6011**

**PENDIDIKAN JASMANI, KESIHATAN DAN KOKURIKULUM**

Pelajar akan didedahkan tentang asas anatomi dan fisiologi manusia, prinsip - prinsip latihan dan beberapa konsep dalam pembelajaran motor dan biomekanik sukan. Antara topik-topik yang turut dibincangkan ialah falsafah, konsep dan amalan-amalan dalam pendidikan jasmani, kesihatan dan kokurikulum khususnya dalam konteks pendidikan. Penekanan juga akan diberikan kepada pentadbiran, pengurusan dan pelaksanaan program pendidikan jasmani dan sukan. Seterusnya membincangkan tentang program kokurikulum yang berkaitan dengan aktiviti sukan, aktiviti kelab, aktiviti persatuan dan unit beruniform.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

### Rujukan Utama:

Deborah, W. & Jennifer, W.F. (2021). *Foundation of physical education, exercise science, and sport. 20th Edition*. Mc Graw Hill.

Powers, S. & Howley, E. (2018). *Exercise physiology: Theory and application to fitness and performance*. New York. McGraw Hill Education.

Maganlal Shivahai Molia.(2018). *Co-curricular activities in school*. LAP Lambert Academic Publishing.

**PQI6012**

**KAEDAH DALAM PENDIDIKAN JASMANI DAN KESIHATAN**

Kursus ini akan membincangkan tujuan pendidikan secara global, dan secara khusus. Disamping itu membincangkan tentang faedah dan tujuan pendidikan jasmani. Seterusnya, menjelaskan tentang peranan, matlamat, objektif pendidikan jasmani. Huraian tentang kurikulum pendidikan jasmani dan kualiti guru juga dibincangkan. Kemudian, pelajar akan didedahkan tentang teori pembelajaran, gaya pengajaran, komponen rancangan pengajaran, aktiviti memanaskan badan, aktiviti kelas, aktiviti demonstrasi, aktiviti kumpulan, aktiviti pengukuhan, permainan kecil, aktiviti penilaian, dan aktiviti kemahiran sukan. Kemahiran sukan tersebut termasuklah sukan bolasepak, bola keranjang, bola baling, bola jaring, badminton, hoki dan bola tampar.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

### Rujukan Utama:

Susan, C., Joanne, C., Julia, L., (2021). *Learning to teach physical education in secondary school. a companion to school experience*. Routledge.UK.

Doan, R. & MacDonald, C. (2017). *Lesson planning for middle school physical education with web resource: Meeting the national standards & grade-level outcomes*.

A.Vonnie, C., Nancy, J., Egner, M. & Pamela, J.W. (2016). *Teaching fundamental motor skills. 3<sup>rd</sup> Ed*. Human Kinetics Publisher

**PQI6013**

**PRINSIP PEMBELAJARAN MOTOR DAN PSIKOLOGI SUKAN**

Pembelajaran kemahiran motor adalah kursus yang berkaitan dengan proses mempelajari sesuatu pergerakan ataupun kemahiran dalam sukan. Pada peringkat permulaan pelajar akan didedahkan tentang definisi pembelajaran kemahiran motor, implikasi pembelajaran kemahiran motor terhadap prestasi, dan klasifikasi pembelajaran kemahiran motor. Selepas itu, pelajar mempelajari tentang model atkinson shiffrin (1968), model pemprosesan maklumat, model pembelajaran Fitts & Posner (1967), implikasi model pembelajaran, pengekalan maklumat, teori pembelajaran schmidt (1975), latihan *massed* dan *distributed*, pengetahuan tentang keputusan (KR) dan modelling. Disamping itu, pelajar juga akan didedahkan dengan bidang motivasi dalam sukan. Misalnya tentang teori "interved "U", dan Goal; Setting.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Richard, M. & David, A. (2020). *Motor learning and control*. 12<sup>th</sup> Ed. Mc Graw Hill.

Haibach-Beach, P.S., Reid, G.D. & Collier, D.H. (2018). *Motor learning and development*. 2<sup>nd</sup> Ed. Human Kinetics. USA.

Cheryl, A.C. (2018). *Motor learning and control for practitioners*. 4<sup>th</sup> Edi. Routledge. USA.

**PENDIDIKAN SEJARAH**

**PQI6014**

**KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN SEJARAH DUNIA**

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada konsep penting dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah Dunia. Antara lain, tumpuan akan diberi kepada pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pendidikan Sejarah Dunia. Pemahaman aspek ini akan dijadikan sebagai landasan bagi membincangkan tentang pentaksiran dalam pengajaran pendidikan Sejarah Dunia. Teknik pengajaran dan pembelajaran Sejarah Dunia di peringkat menengah dan pra universiti akan diteliti dan pembinaan tugas yang melibatkan murid menggunakan teknologi akan dibincangkan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Wineburg, S.S., (2019). *Why Learn History. (When It's Already On The Phone)*. University Chicago Press: Illinois, US

Rosalie Metro, M. (2020) *Teaching World History Thematically: Essential Questions and Document-Based Lessons to Connect Past and Present*. New York: Teachers College Press

Bernad-Cavero, O. & Llevot-Calvet, N. (2018) *New Pedagogical Challenges in the 21st Century: Contributions of Research in Education*. London: Books on Demand.

**PQI6015**

**KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN SEJARAH ISLAM**

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada konsep penting dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah Islam. Antara lain, tumpuan akan diberi kepada pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pendidikan Sejarah Islam. Pemahaman aspek ini akan dijadikan sebagai landasan bagi membincangkan tentang pentaksiran dalam pengajaran Sejarah Islam. Teknik pengajaran Sejarah Islam di peringkat menengah dan pra univeriti akan diteliti dan pembinaan tugas yang melibatkan murid menggunakan teknologi akan dibincangkan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Alkhateeb, F. (2017) *Lost Islamic History: Reclaiming Muslim Civilisation from the Past*. London: Oxford University Press

Steenbergen, J.V. (2020) *A History of the Islamic World, 600-1800: Empire, Dynastic Formations, and Heterogeneities in Pre-Modern Islamic West-Asia*. New York: Routledge

Formichi, C. (2020) *Islam and Asia: A History*. Cambridge: Cambridge University Press

#### PQI6016

#### KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN SEJARAH MALAYSIA DAN ASIA TENGGARA

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada konsep penting dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah Malaysia dan Sejarah Asia Tenggara. Antara lain, tumpuan akan diberi kepada pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pendidikan Sejarah Malaysia dan Sejarah Asia Tenggara. Pemahaman aspek ini akan dijadikan sebagai landasan bagi membincangkan tentang pentaksiran dalam pengajaran pendidikan Sejarah Malaysia dan Sejarah Asia Tenggara. Teknik pengajaran dan pembelajaran Sejarah Malaysia dan Sejarah Asia Tenggara. di peringkat menengah dan pra universiti akan diteliti dan pembinaan tugas yang melibatkan murid menggunakan teknologi akan dibincangkan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

#### Rujukan Utama:

D.R. SarDesai, D.R. (2018) *Southeast Asian History: Essential Readings (2nd Ed.)*. New York: Routledge

Levstik, L.S., Barton, K.C. (2015). *Doing History: Investigating with Children in Elementary and Middle Schools*. Taylors & Francis: London.

Allender, T. (2020) *Historical Thinking for History Teachers: A new approach to engaging students and developing historical consciousness*. New York: Routledge

#### PENDIDIKAN FIZIK LANJUTAN

#### PQI6017

#### KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN ELEKTRIK DAN KEMAGNETAN

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada kurikulum fizik terutamanya konsep elektrik dan kemagnetan. Selain itu, konsep penting dalam pengajaran dan pembelajaran elektrik dan kemagnetan dan kesukaran pembelajaran dan kesilapan umum dalam pembelajaran elektrik dan kemagnetan akan ditekankan. Pengalaman tersebut akan dijadikan landasan bagi membincangkan tentang pentaksiran dan proses penyiasatan elektrik dan kemagnetan. Teknik pedagogi dan pentaksiran dalam elektrik dan kemagnetan di peringkat menengah dan pra universiti akan dibincangkan dan pembinaan tugas dan eksperimen yang melibatkan murid menggunakan teknologi akan dibincangkan. menengah.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

#### Rujukan Utama:

Kuhn, K. F., & Noschese, F. (2020). *Basic physics: A self-teaching guide*. John Wiley & Sons.

Pietrocola, M. (Ed.). (2019). *Upgrading physics education to meet the needs of society*. Springer.

McLoughlin, E., & Van Kampen, P. (Eds.). (2019). *Concepts, strategies, and models to enhance physics teaching and learning*. Springer.

#### PQI6018

#### KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN GELOMBANG CAHAYA DAN BUNYI

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada kurikulum fizik terutamanya konsep gelombang cahaya dan bunyi. Selain itu, konsep penting dalam pengajaran dan pembelajaran gelombang cahaya dan bunyi dan kesukaran pembelajaran dan kesilapan umum dalam pembelajaran gelombang cahaya dan bunyi akan ditekankan. Pengalaman tersebut akan dijadikan landasan bagi membincangkan tentang pentaksiran dan proses penyiasatan gelombang cahaya dan bunyi. Teknik pedagogi dan pentaksiran dalam gelombang cahaya dan bunyi di peringkat menengah dan pra universiti akan dibincangkan dan pembinaan tugas dan eksperimen yang melibatkan murid menggunakan teknologi akan dibincangkan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

- Kuhn, K. F., & Noschese, F. (2020). *Basic physics: A self-teaching guide*. John Wiley & Sons.
- Pietrocola, M. (Ed.). (2019). *Upgrading physics education to meet the needs of society*. Springer.
- McLoughlin, E., & Van Kampen, P. (Eds.). (2019). *Concepts, strategies, and models to enhance physics teaching and learning*. Springer.

**PQI6019**

**KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN FIZIK DAN NUKLEAR**

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada kurikulum fizik terutamanya konsep fizik nuklear. Selain itu, konsep penting dalam pengajaran dan pembelajaran fizik nuklear dan kesukaran pembelajaran dan kesilapan umum dalam pembelajaran fizik nuklear akan ditekankan. Pengalaman tersebut akan dijadikan landasan bagi membincangkan tentang pentaksiran dan proses penyiasatan fizik nuklear. Teknik pedagogi dan pentaksiran dalam fizik nuklear di peringkat menengah dan pra universiti akan dibincangkan dan pembinaan tugas dan eksperimen yang melibatkan murid menggunakan teknologi akan dibincangkan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

- Kuhn, K. F., & Noschese, F. (2020). *Basic physics: A self-teaching guide*. John Wiley & Sons.
- Pietrocola, M. (Ed.). (2019). *Upgrading physics education to meet the needs of society*. Springer.
- McLoughlin, E., & Van Kampen, P. (Eds.). (2019). *Concepts, strategies, and models to enhance physics teaching and learning*. Springer.

**PENDIDIKAN KIMIA LANJUTAN**

**PQI6020**

**KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN DALAM KIMIA FIZIKAL**

Pelajar akan menganalisis dan memahami kurikulum kimia fizikal di peringkat menengah atas dan pra-universiti. Kursus ini juga mendedahkan pelajar kepada teori yang berkaitan dengan pembelajaran kimia fizikal. Kursus ini juga menyediakan pelajar untuk membangunkan pemahaman mereka sendiri tentang prinsip dan amalan pengajaran kimia fizikal yang sesuai di peringkat menengah atas dan pra-universiti. Pelajar akan belajar menggunakan pendekatan dan strategi pengajaran yang sesuai, perancangan pelajaran, kaedah persembahan dan penggunaan inovatif alat bantu pengajaran.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

- Dilip Kumar Khamuni (2020). *Concepts of physical chemistry through problems*. CBS Pub. & Dist. Pvt. Limited.
- Karchmer-Klien, R. (2020). *Improving online teacher education: digital tools and evidence-based practices*. Teachers College Press.
- Moore, J. & Langley, R. (2019). *Must know high school chemistry*. Ohio: McGraw-Hill Education.

**PQI6021**

**KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN DALAM KIMIA INORGANIK**

Pelajar akan menganalisis dan memahami kurikulum kimia inorganik di peringkat menengah atas dan pra-universiti. Kursus ini juga mendedahkan pelajar kepada teori yang berkaitan dengan pembelajaran kimia inorganik. Kursus ini juga menyediakan pelajar untuk membangunkan pemahaman mereka sendiri tentang prinsip dan amalan pengajaran kimia inorganik yang sesuai di peringkat menengah atas dan pra-universiti. Pelajar akan belajar menggunakan pendekatan dan strategi pengajaran yang sesuai, perancangan pelajaran, kaedah persembahan dan penggunaan inovatif alat bantuan pengajaran.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Post, R., Snyder, C. & Houk, C.C. (2020). *Chemistry: Concepts and problems, a self-teaching guide*. NY: John Wiley & Sons Inc

Mackay, R.A. & Henderson, W. (2020) *Introduction to modern inorganic chemistry, 6<sup>th</sup> Ed*. CRC Press.

Moore, J. & Langley, R. (2019). *Must know high school chemistry*. Ohio: McGraw-Hill Education.

**PQI6022**

**KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN DALAM KIMIA ORGANIK**

Pelajar akan menganalisis dan memahami kurikulum kimia organik di peringkat menengah atas dan pra-universiti. Kursus ini juga mendedahkan pelajar kepada teori berkaitan dengan pembelajaran kimia dan menyediakan pelajar untuk membangunkan pemahaman mereka sendiri tentang prinsip dan amalan pengajaran yang sesuai untuk kimia organik di peringkat menengah atas dan pra-universiti. Pelajar akan belajar menggunakan pendekatan dan strategi pengajaran yang sesuai, perancangan pelajaran, kaedah persembahan dan penggunaan inovatif alat bantu pengajaran.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Klein, D. R. (2020). *Organic Chemistry as a Second Language*. (5 th. Ed.) Wiley.

Reingold, D. (2019). *Preparation for Organic Chemistry: A text for students looking ahead to organic chemistry*. Independently published.

William D. (2018). *Embedded Formative Assessment*. Solution Tree Press.

**PENDIDIKAN BIOLOGI LANJUTAN**

**PQI6023**

**KURIKULUM, PENGAJARAN DAN PENTAKSIRAN BIOLOGI SEL**

Kursus ini akan memaklumkan dan melengkapkan calon dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan prinsip dan amalan pengajaran dan pembelajaran konsep mikroskopik dan molekul abstrak dalam biologi sel seperti jenis sel, organel, pembahagian sel dan proses metabolik sel. Calon akan terlibat dalam aktiviti *hands-on* dalam merancang dan menyampaikan kandungan secara berkesan berkaitan dengan biologi sel berdasarkan pelbagai strategi dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Penekanan akan diberikan kepada pelaksanaan rancangan pengajaran yang berkesan dan penilaian formatif dan sumatif yang bersesuaian untuk pembinaan pengetahuan. Kursus ini akan memberi peluang kepada calon untuk membangunkan kesediaan diri mereka dalam mencipta aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai berdasarkan pemahaman yang baik tentang teori dan praktikal.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Tan, O. S. (2021). *Problem-based learning innovation: Using problems to power learning in the 21st century*. Gale Cengage Learning.

Kampourakis, K., & Reiss, M. J. (Eds.). (2018). *Teaching biology in schools: Global research, issues, and trends*. Routledge.

Abrahams, I. (2017). *Minds-on practical work for effective science learning*. Sense Publishers.

**PQI6024**

**KURIKULUM, PENGAJARAN DAN PENTAKSIRAN EKOLOGI DAN KEPELBAGAIAN**

Kursus ini akan mendedahkan calon kepada perspektif pengajaran alam sekitar global yang unik mengenai topik Ekologi dan Kepelbagaian yang berkaitan dengan pelbagai komponen seperti elemen abiotik dan biotik, kepelbagaian ekosistem, kepelbagaian spesies, saling ketergantungan semua benda hidup dan benda bukan hidup. Calon akan dipimpin untuk merancang dan melaksanakan pelajaran untuk menghubungkan sesi pengajaran-pembelajaran mereka kepada matlamat pembangunan mapan dari perspektif global untuk pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Kursus ini meningkatkan pemahaman calon terhadap prinsip dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran topik ekologi dan kepelbagaian dalam biologi seperti evolusi, kepelbagaian dan ekosistem. Calon akan didedahkan kepada pelbagai pendekatan pengajaran dan strategi pengajaran ekologi dan kepelbagaian, bagaimana untuk menyediakan rancangan pengajaran yang efektif dan untuk mentaksir pemahaman murid dalam topik ekologi dan kepelbagaian. Kursus ini akan memberi calon peluang untuk membangunkan pemahaman prinsip mereka sendiri dan mengamalkan konsep pengajaran yang sesuai dalam biologi.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Cooke, J., Araya, Y., Bacon, K. L., Bagniewska, J. M., Batty, L. C., Bishop, T. R., ... & Lewis, Z. (2021). Teaching and learning in ecology: A horizon scan of emerging challenges and solutions. *Oikos*, 130(1), 15-28.

Tan, O. S. (2021). *Problem-based learning innovation: Using problems to power learning in the 21st century*. Gale Cengage Learning.

Kampourakis, K., & Reiss, M. J. (Eds.). (2018). *Teaching biology in schools: Global research, issues, and trends*. Routledge.

**PQI6025**

**KURIKULUM, PENGAJARAN DAN PENTAKSIRAN FISILOGI BENDA HIDUP**

Kursus ini akan mengajar calon tentang cara untuk membina amalan pengajaran dan pembelajaran yang mencerminkan kebergantungan abstrak proses fisiologi iaitu fungsi organisma hidup, haiwan atau tumbuhan. Kursus ini akan meningkatkan pemahaman calon terhadap prinsip dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran fisiologi benda hidup seperti respirasi haiwan dan sistem pengangkutan dan peredaran. Calon akan didedahkan kepada teori-teori yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran fisiologi benda hidup, pelbagai pendekatan dan kaedah pengajaran topik ini, bagaimana menyediakan rancangan pengajaran dengan berkesan dan menilai pemahaman calon terhadap fisiologi. Calon juga akan diberi peluang untuk membangunkan pemahaman prinsip mereka sendiri dan mengamalkan konsep pengajaran yang sesuai dalam biologi.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Tan, O. S. (2021). *Problem-based learning innovation: Using problems to power learning in the 21st century*. Gale Cengage Learning.

Kampourakis, K., & Reiss, M. J. (Eds.). (2018). *Teaching biology in schools: Global research, issues, and trends*. Routledge.

Abrahams, I. (2017). *Minds-on practical work for effective science learning*. Sense Publishers.

## PENDIDIKAN MATEMATIK LANJUTAN

### PQI6026 KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN ALGEBRA

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada kurikulum matematik terutamanya konsep algebra. Selain itu, konsep penting dalam pengajaran dan pembelajaran algebra dan kesukaran pembelajaran dan kesilapan umum dalam pembelajaran algebra akan ditekankan. Pengalaman tersebut akan dijadikan landasan bagi membincangkan tentang pentaksiran dan proses penyelesaian masalah algebra. Teknik pedagogi dan pentaksiran dalam algebra di peringkat menengah dan pra universiti akan dibincangkan dan pembinaan tugas yang melibatkan murid menggunakan teknologi akan dibincangkan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

#### Rujukan Utama:

- Bostic, J.D.; Krupa, E. E. & Shih, J.C. (2019). *Assessment in Mathematics Education Contexts: Theoretical Frameworks and New Directions (Routledge Research in Education) 1st Edition*. Routledge.
- Freiman, V., & Tassell, J. L. (2018). "Leveraging mathematics creativity by using technology: questions, issues, solutions, and innovative paths," in *Creativity and Technology in Mathematics Education*, eds V. Freiman and J. Tassel (Cham: Springer), 3–29.
- Goos, M., Vale, C. & Stillman, G. (2017). *Teaching secondary school mathematics: research and practice for the 21st century, 2nd Ed*. Allen & Unwin: Sydney.

### PQI6027 KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN KALKULUS

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada kurikulum matematik terutamanya konsep kalkulus. Selain itu, konsep penting dalam pengajaran dan pembelajaran kalkulus dan kesukaran pembelajaran dan kesilapan umum dalam pembelajaran kalkulus akan ditekankan. Pengalaman tersebut akan dijadikan landasan bagi membincangkan tentang pentaksiran dan proses penyelesaian masalah kalkulus. Teknik pedagogi dan pentaksiran dalam kalkulus di peringkat menengah dan pra universiti akan dibincangkan dan pembinaan tugas yang melibatkan murid menggunakan teknologi akan dibincangkan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

#### Rujukan Utama:

- Posamentier, A.S. & Smith, B. (2020). *Teaching Secondary Mathematics: Techniques and Enrichment Units*. World Scientific Publication Company: Singapore
- Bressoud, D.M. (2019). *Calculus Reordered: A History of Big Ideas*. Princeton University Press: MA.
- Wong, P.W. & Lye, M.S. (2019). *STPM Text Mathematics(T) Calculus Semester 2*. Kuala Lumpur. Oxford Fajar.

### PQI6028 KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN STATISTIK

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada kurikulum matematik terutamanya konsep statistik. Selain itu, konsep penting dalam pengajaran dan pembelajaran statistik dan kesukaran pembelajaran dan kesilapan umum dalam pembelajaran statistik akan ditekankan. Pengalaman tersebut akan dijadikan landasan bagi membincangkan tentang pentaksiran dan proses penyelesaian masalah statistik. Teknik pedagogi dan pentaksiran dalam statistik di peringkat menengah dan pra universiti akan dibincangkan dan pembinaan tugas yang melibatkan murid menggunakan teknologi akan dibincangkan..

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

- Ross, S. M. (2021). *Introduction to Probability and Statistics for Engineers and Scientists*. London: Academic Press.
- Ross, S. M. (2019). *Introduction to Probability Models*. London: Academic Press.
- Kaiser, G., Batanero, C., & Chernoff, E. J. (Eds.). (2018). *Teaching and Learning Stochastic*. Cham: Springer.

**PENDIDIKAN SAINS KOMPUTER LANJUTAN**

**PQI6029 KEMAHIRAN DIGITAL DALAM PENDIDIKAN**

Kemahiran digital merupakan kemahiran yang bernilai di mana pada masa akan datang ia akan menjadi satu kemahiran yang sangat penting.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

- McNulty, N. (2020). *Bloom's Digital Taxonomy: A reference guide for teachers*. Kindle version.
- Mishra, S. (2021). *Digital Cultures*. New York: Routledge.
- Rogers-Whitehead, C. (2019). *Digital Citizenship: Teaching Strategies and Practice from the Field*. Kindle Edition.

**PQI6030 OBJEK RANGKAIAN INTERNET UNTUK PENDIDIKAN**

*Internet of Things* (IoT) adalah kursus tentang paradigma interaksi sesama manusia menerusi sistem maklumat. Kursus ini akan memberi tumpuan kepada pemikiran kreatif dan pembangunan projek. Tumpuan akan lebih kepada kemungkinan yang ditawarkan oleh perbezaan teknologi, dan teknik pemikiran kreatif untuk beberapa gabungan aplikasi inovatif teknologi tersebut dalam senario kehidupan sebenar. Para pelajar akan belajar konsep IoT, IoT teknologi, teknik pemikiran kreatif dan teknik penciptaan bersama.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

- JoganHand, S. (2021). *Book on Microteaching*. Anu Books.
- Stierwalt, M. (2021). *Internet Of Things Projects: A Useful Guide For Beginners: Control Irrigation Valve With Arduino*. Kindle Edition.
- Arora, S. (2021). *A Textbook of Computer Science with Java for Class 12*. Dhanpat Rai & Co.

**PQI6031 TEKNOLOGI AUDIO VIDEO DIGITAL DALAM MULTIMEDIA**

Kursus ini bertujuan memberi pengalaman kepada pelajar secara praktikal dalam menghasilkan media audio digital berasaskan kepada gabungan teori dan kemahiran teknikal. Menerusi kemahiran yang diperolehi dalam kursus ini, media audio yang dihasilkan melalui rakaman suara, suara latar, muzik, dan kesan khas audio, dapat disepadukan untuk membantu proses penyampaian persembahan agar ia lebih mantap dan berkesan di samping menimbulkan suasana yang lebih menarik terhadap tumpuan sesebuah bahan pengajaran yang digunakan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

- Donally, J. (2021). *The Immersive Classroom: Create Customized Learning Experiences with AR/VR*. Kindle Edition.
- Zhadko, O. & Ko, S. (2020). *Best Practices in Designing Courses with Open Educational Resources*. Routledge.
- KPM (2019). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah*. [https://unitdp.ipsah.edu.my/images/files/PBD\\_Edisi\\_2.pdf](https://unitdp.ipsah.edu.my/images/files/PBD_Edisi_2.pdf)

**PENDIDIKAN KEJURUTERAAN LANJUTAN**

**PQI6032 PENTAKSIRAN DALAM PENDIDIKAN KEJURUTERAAN**

Dalam kursus ini pelajar akan didedahkan kepada pelbagai jenis pentaksiran serta tujuan dan fungsinya. Pelajar akan mempelajari cara untuk menyediakan tugas yang memerlukan kemahiran beraras tinggi yang benar-benar meningkatkan pembelajaran pelajar. Aspek teknikal penilaian juga akan dipelajari. Pelajar akan diajar bagaimana untuk membuat keputusan berdasarkan pendidikan berdasarkan prestasi penilaian pelajar.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

- Moser, A. (2020). *Written Corrective Feedback: The Role of Learner Engagement: A Practical Approach*. Springer Nature.
- Brookhart, S. M. & McMillan, J. H. (2019). *Classroom Assessment and Educational Measurement*. Routledge.
- Henderson, M., Ajjawi, R., Boud, D. & Molloy, E. (2019). *The Impact of Feedback in Higher Education: Improving Assessment Outcomes for Learners*. London; Palgrave Macmillan.

**PQI6033 TREND DAN ISU DALAM PENDIDIKAN KEJURUTERAAN**

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada pelbagai trend pelbagai isu-isu dan cabaran dalam pendidikan Kejuruteraan. Pelajar juga diajar sains kognitif dan teori pembelajaran dalam pendidikan Kejuruteraan. Pelajar akan belajar tentang Piaget, Vygotsky dan teori pembelajaran kontemporari. Pelajar diberi peluang untuk menjalankan kajian tindakan bagi menjana idea dalam pelaksanaan pengajaran Kejuruteraan yang bermakna dan relevan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

- Das, B. B., Nanukuttan, S. V., Patnaik, A. K. & Panandika, N. S. (2021). *Recent Trends in Civil Engineering: Select Proceedings of TMSF 2019*. Springer.
- Das, L. M., Kumar, N., Lather, R. S. & Bhatia, P. (2021). *Emerging Trends in Mechanical Engineering: Select Proceedings of ICETMIE 2019*. Springer.
- Tooley, M. & Dingle, L. (2021). *Engineering Science; For Foundation Degree and Higher National; Second edition*. Routledge.

**PQI6034 KURIKULUM DAN PEDAGOGI DALAM PENDIDIKAN KEJURUTERAAN**

Pelajar akan menganalisis dan memahami kurikulum pendidikan kejuruteraan di peringkat menengah atas dan pra-universiti. Kursus ini juga mendedahkan pelajar kepada teori berkaitan dengan pembelajaran pendidikan kejuruteraan dan menyediakan pelajar untuk membangunkan pemahaman mereka sendiri tentang prinsip dan amalan pengajaran yang sesuai untuk pendidikan kejuruteraan di peringkat menengah atas dan pra-universiti. Pelajar akan belajar menggunakan pendekatan dan strategi pengajaran yang sesuai, perancangan pelajaran, kaedah persembahan dan penggunaan inovatif alat bantuan pengajaran.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Guerra, A., Ulseth, R. & Kolmos, A. (Eds.) (2020). *PBL in Engineering Education: Inon and Technological / Professional Learning*. MDPI. *International Perspectives on Curriculum Change*. Sense Publishers.

Ilic, V. & Rahman, A. (2020). *Blended learning in engineering education: recent developments in curriculum, assessment, and practice*. CRC Press.

Viegas, C., Marques, A., Alves, G. R. & García-Peñalvo, F. J. (2019). *Engineering Education*

**PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA**

**PQI6035 ASAS KAEDAH BISBK**

Kursus ini merupakan kursus pengenalan yang memberikan asas pengetahuan kepada teori pembelajaran, pendekatan baharu, dan kaedah-kaedah bagi teori dan amalan pengajaran Bahasa Inggeris. Pelajar digalakkan membina pemahaman mereka yang tersendiri akan kaedah bersesuaian kaedah pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kursus ini membantu pelajar menyedari peranan mereka sebagai seorang guru bahasa Inggeris. Kursus ini memberi pendedahan kepada konsep globalisasi di dalam pendidikan dan membincangkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi kemahiran mendengar bertutur, membaca, menulis, tatabahasa, sebutan dan latihan perbendaharaan kata. Topik yang akan dibincangkan termasuk pendekatan dan kaedah baru dalam pendidikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, aktiviti bagi mengajar empat kemahiran bahasa dan sub-kemahiran, dan juga organisasi dan pengurusan bilik darjah. Kursus ini juga akan memberi kefahaman pengajaran bahasa Inggeris kepada pelajar khas dan isu-isu lain yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Nation, I.S.P., & Macalister, J. (2020) *Teaching ESL/EFL Reading and Writing*. London: Routledge.

Newton, J.M., & Nation, I.S.P (2020) *Teaching ESL/EFL Listening and Speaking*. London: Routledge.

Burns, A., & Richards, J.C. (2018): *The Cambridge guide to learning English as a second language*. Cambridge: Cambridge University Press.

**PQI6036 TATABAHASA DALAM BILIK DARJAH BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA**

Kursus ini membekalkan gambaran keseluruhan tentang Tatabahasa Bahasa Inggeris untuk guru. Kursus ini akan membawa kepada penelitian hubungan antara bentuk dan fungsi sebagai asas bagi reka bentuk pengajaran-pembelajaran. Aspek tentang tatabahasa Bahasa Inggeris akan diteliti dalam hubungannya dengan teknik dan bahan bagi pengajaran komunikasi dalam aspek bentuk dan fungsi. Tajuk yang akan diliputi adalah kepelbagaian Bahasa Inggeris, tatabahasa, bentuk dan fungsi, tatabahasa pedagogi, bidang yang mempunyai masalah khas, perolehan tatabahasa dan pertimbangan pedagogi.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Aarts, B., Hudson, R.A., & Cushing, I. (2019). *How to teach grammar*. Oxford: Oxford University Press.

Mammadova, T. (2019). *Teaching grammar to a grammar-free generation*. Cambridge: Cambridge Scholars Publishing.

Selivan, L. (2018). *Lexical grammar: activities for teaching chunks and exploring patterns*. Cambridge: Cambridge University Press.

**PQI6037 KEMAHIRAN BAHASA BERSEPADU UNTUK BILIK DARJAH BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA**

Kursus ini akan memberi pendedahan terhadap konsep asas, prinsip, dan pendekatan kepada pengajaran membaca, penulisan dan lisan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua. Teknik-teknik pendekatan literasi Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua akan dibincangkan dan dianalisa. Pelajar akan juga diajar secara teori dan amali penggunaan konsep dan teknik-teknik literasi Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua untuk diaplikasi dalam bilik darjah

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

- Christison, M.A., & Murray, D.E. (2021). *What English teachers need to know: Designing curriculum?* London: Routledge.
- Bower, K., Coyle, D., Cross, R. (2020). *Curriculum integrated language teaching: CLIL in practice*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mora-Flores, E. (2019). *Integrated English language development: supporting English learners across the curriculum*. California: Shell Educational Publishing.

**PENDIDIKAN BAHASA MELAYU**

**PQI6038 PRINSIP DAN AMALAN DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU**

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang aspek-aspek yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa. Pelajar akan didedahkan dengan teori, metodologi serta pelbagai isu yang berkaitan kajian dan amalan dalam pengajaran dan pemerolehan bahasa; meneliti dan mengkaji tentang pelbagai sumbangan dalam penyelidikan yang berhubung pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu

**Rujukan Utama:**

- Brown, H.D. (2021). *Principles of Language Learning and Teaching (6th Edition)*. Pearson Education.
- Curtis, A. (2017). *Methods and Methodologies for Language Teaching: The centrality of context*. London: MacMillan Education.
- Jebahi Khale. (2017). *Approaches and Methods in Language Teaching*. Hillingdon: Koros Press Limited.

**PQI6039 PERANCANGAN DASAR & KURIKULUM BAHASA MELAYU**

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan tentang setiap peringkat perancangan dasar dan polisi bahasa dari peringkat kerajaan hingga individu. Kursus ini akan menganalisis teori dan implementasi dalam pelbagai polisi bahasa. Selain itu, pelajar berpeluang meneroka kepelbagaian kurikulum bahasa dan kaitannya dengan kepelbagaian budaya yang terdapat di negara ini. Pelajar kemudiannya berpeluang mengaitkan teori-teori asas dalam bidang perancangan polisi dan kurikulum bahasa dengan amalan hidup seharian masyarakat di sekitar dan perkaitannya dengan sistem pendidikan di negara ini. Kursus ini juga akan membuka peluang kepada pelajar untuk menjalankan kajian lapangan yang berkaitan polisi kepelbagaian penggunaan bahasa di negara ini.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu

**Rujukan Utama:**

- Abdullah Hassan. (2020). *Siri Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Perancangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Peter Mican & Ilona Wallace. (2020). *The Routledge Handbook of Language Education Curriculum Design*. London, UK: Taylo & Francis Ltd.

Azizi Jaafar. (2019). *Asas Pembangunan Kurikulum dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: DBP.

#### **PQI6040 KAJIAN PERKEMBANGAN LITERASI BAHASA MELAYU**

Kursus ini mendedahkan konsep asas dalam perkembangan literasi bahasa dan keadaan literasi di sekolah. Pelajar akan mempelajari teori bacaan dan penulisan yang menjadi asas literasi, seterusnya mengkaji literasi dalam proses linguistik, kognitif dan sosiobudaya, Literasi bersituasi dan multiliterasi, emergent literacy, literasi remaja dan literasi baru. Menerusi kursus ini juga, pelajar mampu menganalisis data dan menilai kajian dalam literasi yang dijalankan seterusnya menghasilkan kajian tentang literasi bahasa di sekolah.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu

#### **Rujukan Utama:**

Gambrell, L. B., Morrow, L. M., & Pressley, M. (2019). *Best practices in literacy instruction*. New York: Guilford Press.

James P. Byrnes, Barbara A. Wasik (2019). *Language and Literacy Development*. (Second Edition). The Guilford Press.

John Willinsky (2019). *The New Literacy. Redefining Reading and Writing in the Schools*. Bosa Roca, US: Taylor & Francis Inc.

#### **PENDIDIKAN BAHASA CINA**

#### **PQI6041 PRINSIP DAN AMALAN PENGAJARAN BAHASA CINA**

Kursus ini akan memperkenalkan pelajar kepada ciri-ciri tulisan Cina dan kaedah mengajar kemahiran mengecam tulisan Cina. Pelajar-pelajar juga didedahkan kaedah mengajar kemahiran menulis yang betul dan bersesuaian. Pelajar-pelajar akan belajar jenis bacaan dan bahan bacaan sebelum menguasai kaedah mengajar kemahiran membaca untuk membolehkan mereka membuat rancangan pelajaran yang berkesan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Cina

#### **Rujukan Utama:**

Wang Rongsheng. (2019). *The Key to Instructional Reading Design: Suggestions to Language Teacher*. Beijing: China Light Industry Press.

王荣生。(2019)。《阅读教学设计的要诀—王荣生给语文教师的建议》。北京：中国轻工业出版社。

Zhu Shaoyu (ed.). (2019). *Curriculum and Teaching Theory of Secondary School Chinese Language*. Beijing: Higher Education Press.

#### **PQI6042 PERANCANGAN DASAR DAN KURIKULUM BAHASA CINA**

Kursus ini akan memperkenalkan pelajar kepada matlamat, sejarah perkembangan dan perubahan, serta kandungan utama kurikulum bahasa Cina. Pelajar-pelajar juga diajar untuk membuat rancangan pelajaran yang berkesan dengan melaksanakan aktiviti yang menarik berdasarkan buku teks. Pelajar-pelajar akan belajar bagaimana untuk menyelesaikan masalah pengajaran termasuklah bahan bantu mengajar, inovasi pengajaran dan perkembangan profesionalisme guru Bahasa Cina.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Cina

**Rujukan Utama:**

Pan Yongqiang. (2020). *Ability, Quality, Creativity – How Is It Possible for Education Reformation*. Kuala Lumpur: Mentor Publishing.

潘永强 (编)。(2020)。《能力、素养、创造力——教育改革如何可能》。吉隆坡: 大将出版社。

Qiang Xuemei. (2020). *Chinese Course and Teaching*. Beijing: Innoscience Research.

**PQI6043**

**PENGAJARAN LINGUISTIK DALAM BAHASA CINA**

Kursus ini bertujuan untuk membolehkan pelajar menguasai ilmu berkaitan bidang linguistik, sifat bahasa dan ciri-ciri bahasa Cina saintifik. Kursus ini merangkumi pengenalan dan struktur linguistic, pengetahuan asas dan perkembangan bahasa. Selain itu, kaedah pembelajaran Fonetik dan aktiviti pembelajaran Fonetik turut diberikan pendedahan dalam kursus ini. Ciri-ciri bahasa dalam konteks linguistik, pragmatik, linguistik sosial, etnolinguistik dan linguistik gunaan turut diperkenalkan dalam kursus ini.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Cina

**Rujukan Utama:**

Cui Xiliang. (2021). *Introduction To Linguistics* (2nd Edition). Beijing: Beijing Language And Culture University Press.

崔希亮。(2021)。语言学概论(第2版)。北京: 北京语言大学出版社。

玉玲。(2020)。汉语要素教学法: 语法词汇教学篇。北京: 北京语言大学出版社。

**PENDIDIKAN TAHFIZ**

**PQI6044**

**ASAS KURIKULUM DAN BIDANG PENGAJARAN PAKAR DALAM PENDIDIKAN TAHFIZ**

Kursus ini akan membincangkan tentang aspek pengajaran dan kurikulum Pendidikan Tahfiz. Ia akan mendedahkan konsep dan prinsip amalan pedagogi dalam Pendidikan Tahfiz, menganalisis komponen-komponen kurikulum Pendidikan Tahfiz peringkat menengah rendah dan menengah atas.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu

**Rujukan Utama:**

Fathiyah Mohd. Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd. Ayub, Norlizah Che Hassan, Lukman Abdul Mutalib & Wan Marzuki Wan Jaafar (2018) *Perkembangan dan perspektif pembelajaran tahfiz di Malaysia*. Serdang: Penerbit UPM

Sedek Ariffin, Mustafa Abdullah & Muhamad Alihanafiah Norasid (2017) *Modul-modul hafazan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit UM

Sedek Ariffin Zulkifli Mohd Yusoff (2015) *Metodologi hafazan al Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit UM

**PQI6045**

**TEORI PEDAGOGIK DAN APLIKASI DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN TAHFIZ**

Kursus ini akan membincangkan perspektif dan amalan pedagogi dalam Pendidikan Tahfiz terutamanya yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Antara topik utama yang akan dibincangkan ialah proses pengajaran dan pembelajaran, objektif pengajaran dan pembelajaran, teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran, pengurusan bilik darjah serta penilaian pengajaran tahfiz.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu

**Rujukan Utama:**

Azmil Hashim dan Kamarul Azmi Jasmi (2020). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Sedek Ariffin, Mustafa Abdullah & Muhamad Alihanafiah Norasid (2017) *Modul-modul hafazan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit UM

Sedek Ariffin Zulkifli Mohd Yusoff (2015) *Metodologi hafazan al Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit UM

**PQI6046 PRAKTIK PEDAGOGI DAN SIMULASI PENGAJARAN DALAM PENDIDIKAN TAHFIZ**

Kursus ini akan dapat memberikan pemahaman konsep dan ciri-ciri pengajaran mikro, melatih menulis rancangan pengajaran, memberi pengalaman mengajar dan cara mengendalikan kelas dengan baik serta mengaplikasikan kesemua teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam praktikal pengajaran mikro.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 100%

Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu

**Rujukan Utama:**

Azmil Hashim dan Kamarul Azmi Jasmi (2020) *Kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bernad-Cavero, O. & Llevot-Calvet, N. (2018) *New Pedagogical Challenges in the 21st Century: Contributions of Research in Education*. London: Books on Demand.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) *Maharat al-Quran Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 1-5*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia

**REKABENTUK PENGAJARAN**

**PQI6047 REKABENTUK PENGAJARAN DINAMIK**

Kursus ini membincangkan berkaitan konsep-konsep asas rekabentuk pengajaran. Pelajar akan mempelajari dan menggunakan proses dalam rekabentuk pengajaran untuk menyelesaikan masalah. Di samping itu, pelajar juga akan didedahkan dengan beberapa model-model rekabentuk pengajaran. Pada akhir kursus, mereka akan menggunakan model rekabentuk pengajaran untuk merekabentuk, membina dan menilai projek pilihan sendiri.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%

Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Cennamo, K., & Kalk, D. (2019). *Real world instructional design: An iterative approach to designing learning experiences*. Routledge.

Ertmer, P. A., Quinn, J. A., & Glazewski, K. D. (Eds.). (2019). *The ID casebook: Case studies in instructional design*. Routledge

Morrison, G. R., Ross, S. J., Morrison, J. R., & Kalman, H. K. (2019). *Designing effective instruction*. John Wiley & Sons.

**PQI6048 MODEL DAN INOVASI REKABENTUK PENGAJARAN**

Kursus ini akan menyediakan para pelajar dengan pengetahuan asas mengenai teknologi maklumat dan komunikasi dan memberi pendedahan dalam meningkatkan daya kreativiti dan inovasi dalam menghasilkan produk berasaskan web. Pelajar akan diberi kemahiran menggunakan perisian-perisian yang disokong oleh elemen digital multimedia, Internet dan web interaktif. Pada akhir kursus, pelajar dapat membangunkan inovasi kreatif dalam merekabentuk dan membina produk digital multimedia dan web interaktif.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Hokanson, B. (2020). *Educational Technology Beyond Content: A New Focus for Learning*. Springer International Publishing.  
Raad, H. (2020). *Fundamentals of IoT and Wearable Technology Design*. John Wiley & Sons.  
Ryszard, K. & Jan, N. (2020). *Smart Innovations in Engineering and Technology*. Springer International Publishing.

**PQI6049 REKABENTUK SISTEM PENGAJARAN**

Kursus ini bertujuan untuk melatih para pelajar untuk menggunakan reka bentuk sistem pengajaran. Pelajar akan dilatih untuk mengaplikasi, merekabentuk dan membangunkan pakej pengajaran berdasarkan reka bentuk sistem pengajaran mengikut kumpulan sasaran. Pada akhir kursus, mereka dapat menggunakan reka bentuk sistem pengajaran dalam menghasilkan pakej pengajaran yang cekap dengan aplikasi yang sesuai.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Allen, S., Gower, K., & Allen, D. K. (Eds.). (2020). *Handbook of Teaching with Technology in Management, Leadership, and Business*. Edward Elgar Publishing.  
Hokanson, B. (2020). *Educational Technology Beyond Content: A New Focus for Learning*. Springer International Publishing.  
Kidd, T & Morris, L. R. Jr. (2020). *Handbook of Research on Instructional Systems and Educational Technology*. Springer International Publishing.

## SINOPSIS KURSUS PENGKHUSUSAN KEDUA

### PENDIDIKAN BAHASA ARAB

#### PQI6050 KURIKULUM DAN KAEDAH PENGAJARAN BAHASA ARAB

Kursus ini akan menjelaskan tentang pengajaran kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, tatabahasa, balaghah dan nusus dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab. Pelajar akan didedahkan kepada kurikulum, kaedah pengajaran dan penilaian untuk kesemua kemahiran tersebut berdasarkan sukatan pelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Pelajar juga akan membuat latihan amali melalui pembinaan bahan pengajaran dan pengujian.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Arab

#### Rujukan Utama:

El Hawari R. (2021). *Teaching Arabic as a Heritage Language*. Routledge

Alhawary, M. T. (2019). *Arabic second language learning and effects of input, transfer, and typology*. Georgetown University Press.

Reinhardt, J. (2019). *Gameful Second and Foreign Language Teaching and Learning: Theory, Research, and Practice*. Palgrave Macmillan

#### PQI6051 PENGAJARAN MIKRO BAHASA ARAB

Kursus ini menekankan dua aspek utama. Pertama penyediaan rancangan pengajaran berdasarkan sukatan pelajaran Kementerian Pelajaran Malaysia bagi tahun pengajaran, mingguan dan harian. Penekanan diberikan kepada aspek objektif, hasil pembelajaran, langkah pengajaran, aktiviti guru dan aktiviti pelajar. Aspek kedua pula ialah aspek pengajaran simulasi dalam kumpulan yang kecil. Penekanan diberikan dalam mengaplikasikan kemahiran-kemahiran pengajaran berkesan serta proses menilai pengajaran simulasi yang dijalankan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 100%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Arab

#### Rujukan Utama:

Beckett G.H and Slater T (2021). *Global Perspectives on Project-Based Language Learning, Teaching, and Assessment: Key Approaches, Technology Tools, and Frameworks*. Routledge

El Hawari R. (2021). *Teaching Arabic as a Heritage Language*. Routledge

Alhawary, M. T. (2019). *Arabic second language learning and effects of input, transfer, and typology*. Georgetown University Press.

### PENDIDIKAN MORAL

#### PQI6052 KURIKULUM DAN METODOLOGI PENGAJARAN PENDIDIKAN MORAL

Kursus ini bertujuan untuk membolehkan pelajar memahami dan menganalisis falsafah moral, teori etika, teori perkembangan moral, matlamat dan objektif kurikulum Pendidikan Moral serta pembentukan dan organisasi kurikulum tersebut khususnya bagi peringkat sekolah menengah. Topik yang akan dibincangkan termasuk: matlamat Pendidikan Moral dalam konteks falsafah pendidikan moral dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, objektif kurikulum Pendidikan Moral, organisasi kurikulum, kandungan kurikulum dan implikasinya serta penilaian dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran tersebut di peringkat sekolah menengah.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). *Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Menengah Pendidikan Moral Tingkatan 1-5*. Kuala Lumpur: Bahagian Perkembangan Kurikulum.

Star, D. & Crisp. (eds) (2019). *History of Ethics*. New Jersey: Wiley-Blackwell.

Balakrishnan, V. (2018). *Pendidikan moral untuk universiti dan kolej*. Kuala Lumpur: Penerbit UM

**PQI6053 SIMULASI PENGAJARAN PENDIDIKAN MORAL**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar tentang amalan dan prinsip pengajaran pendidikan moral mengikut tahap pembelajaran yang berbeza. Tumpuan kursus adalah kepada merancang, melaksana dan menilai serta mengurus pelajaran pembelajaran dan bahan-bahan yang dikenal pasti sesuai. Antara perkara yang juga diberi penekanan ialah masalah fahaman dan kaedah yang sesuai serta perbezaan pelajar. Kursus ini akan dijalankan melalui kuliah, perbincangan dan pengajaran mikro.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). *Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Menengah Pendidikan Moral Tingkatan 1-5*. Kuala Lumpur: Bahagian Perkembangan Kurikulum.

Michael Fullan (2018). *Deep learning: Engage the world change the world*. Sage Publication.

Star, D. & Crisp. (eds) (2019). *History of ethics*. New Jersey: Wiley-Blackwell.

**FIZIK ASAS**

**PQI6054 KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN MEKANIK DAN DINAMIK**

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada kurikulum fizik terutamanya konsep mekanik dan dinamik. Selain itu, konsep penting dalam pengajaran dan pembelajaran mekanik dan dinamik dan kesukaran pembelajaran dan kesiapan umum dalam pembelajaran mekanik dan dinamik akan ditekankan. Pengalaman tersebut akan dijadikan landasan bagi membincangkan tentang pentaksiran dan proses penyiasatan mekanik dan dinamik. Teknik pedagogi dan pentaksiran dalam mekanik dan dinamik di peringkat menengah dan pra univerti akan dibincangkan dan pembinaan tugas dan eksperimen yang melibatkan murid menggunakan teknologi akan dibincangkan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Kuhn, K. F., & Noschese, F. (2020). *Basic physics: A self-teaching guide*. John Wiley & Sons

McLoughlin, E., & Van Kampen, P. (Eds.). (2019). *Concepts, Strategies and Models to Enhance Physics Teaching and Learning*. Springer.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSM Fizik Tingkatan 4 dan 5*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

**PQI6055 KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN JIRIM**

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada kurikulum fizik terutamanya konsep jirim dan tenaga. Selain itu, konsep penting dalam pengajaran dan pembelajaran jirim dan tenaga dan kesukaran pembelajaran dan kesilapan umum dalam pembelajaran jirim dan tenaga akan ditekankan. Pengalaman tersebut akan dijadikan landasan bagi membincangkan tentang pentaksiran dan proses penyiasatan jirim dan tenaga. Teknik pedagogi dan pentaksiran dalam jirim dan tenaga di peringkat menengah dan pra univerti akan dibincangkan dan pembinaan tugas dan eksperimen yang melibatkan murid menggunakan teknologi akan dibincangkan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

- Kuhn, K. F., & Noschese, F. (2020). *Basic physics: A self-teaching guide*. John Wiley & Sons
- McLoughlin, E., & Van Kampen, P. (Eds.). (2019). *Concepts, Strategies and Models to Enhance Physics Teaching and Learning*. Springer.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSM Fizik Tingkatan 4 dan 5*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

**PENDIDIKAN KIMIA ASAS**

**PQI6056 TREND DAN ISU DALAM PENDIDIKAN KIMIA**

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada pelbagai trend pelbagai, isu-isu dan cabaran dalam pendidikan kimia. Pelajar juga diajar sains kognitif dan teori pembelajaran dalam pendidikan kimia. Pelajar akan belajar tentang Piaget, Vygotsky dan teori pembelajaran kontemporari. Pelajar diberi peluang untuk menjalankan kajian tindakan mudah bagi menjana idea dalam pelaksanaan pengajaran kimia yang bermakna dan relevan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

- Christiansen, M.A. & Weber, J.M. (2019). *Teaching and the Internet: The application of webapps, networking, and online tech for chemistry education*. Oxford University Press.
- McComas, W. (2021). *Nature of science in science instruction: Rationales and strategies*. Springer.
- McNiff, J. (2017). *Action Research, All You Need to Know*. 1<sup>st</sup> Ed, Sage Pubs.

**PQI6057 KERJA AMALI DALAM PENDIDIKAN KIMIA**

Kursus ini membantu pelajar untuk memahami apa yang dimaksudkan dengan penyiasatan saintifik serta peranan dan jenis kerja amali. Kursus ini menggalakkan pelajar untuk menjalankan inkuiri terbuka/ berpandu dalam persekitaran makmal sekolah menengah. Pelajar diajar pengetahuan dan kemahiran pengurusan makmal yang baik.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

- Cooper, C. (2020). *Forensic Science: Discover the Fascinating Methods Scientist use to solve crimes*. UK: Dorling Kindersley Ltd.
- DeMeo, S. (2019). *Inquiry science teaching: A fire to be kindled*. Educe Press NY.
- Erduran, S. (2019). *Argumentation in chemistry education: Research, policy, and practice*. The Royal Society of Chemistry.

## PENDIDIKAN BIOLOGI ASAS

### PQI6058 KURIKULUM, PENGAJARAN DAN PENTAKSIRAN GENETIK

Kursus ini akan meningkatkan pemahaman pelajar terhadap prinsip dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan penguasaan konsep genetik seperti konsep Hukum segregasi dan pengaturan bebas Mendel dan prinsip pewarisan. Pelajar akan didedahkan kepada pelbagai pendekatan pengajaran dan strategi pengajaran genetik, bagaimana untuk menyediakan rancangan pengajaran yang efektif dan untuk mentaksir pemahaman murid dalam topik genetik. Kursus ini akan memberi pelajar peluang untuk membangunkan pemahaman prinsip mereka sendiri dan mengamalkan konsep pengajaran yang sesuai dalam bidang biologi.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

#### Rujukan Utama:

Rachmatullah, A., Reichsman, F., Lord, T., Dorsey, C., Mott, B., Lester, J., & Wiebe, E. (2021). Modeling Secondary students' genetics learning in a game-based environment: Integrating the expectancy-value theory of achievement motivation and flow theory. *Journal of Science Education and Technology*, 1-18.

Hunter, J. (2020). *High possibility STEM classrooms: Integrated STEM learning in research and practice*. Routledge.

Kampourakis, K., & Reiss, M. J. (Eds.). (2018). *Teaching biology in schools: global research, issues, and trends*. Routledge.

### PQI6059 KURIKULUM, PENGAJARAN DAN PENTAKSIRAN KONSEP BARU MUNCUL DALAM BIOLOGI

Kursus ini akan meningkatkan pemahaman calon terhadap prinsip dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan integrasi konsep baru dalam biologi seperti bioteknologi, sel stem dan teknologi hijau. Calon akan didedahkan kepada pelbagai pendekatan pengajaran dan strategi pengajaran konsep baru yang muncul dalam bidang biologi, bagaimana untuk menyediakan rancangan pengajaran yang efektif dan untuk mentaksir pemahaman pelajar dalam konsep ini. Kursus ini akan memberi calon peluang untuk membangunkan pemahaman prinsip mereka sendiri dan mengamalkan konsep pengajaran yang sesuai dalam biologi.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

#### Rujukan Utama:

Hunter, J. (2020). *High possibility STEM classrooms: Integrated STEM learning in research and practice*. Routledge.

Kampourakis, K., & Reiss, M. J. (Eds.). (2018). *Teaching biology in schools: Global research, issues, and trends*. Routledge.

Gericke, N. & Grace, M. (2018). *Challenges in biology education research*. Karlstad University.

## PENDIDIKAN MATEMATIK ASAS

### PQI6060 KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN GEOMETRI

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada kurikulum matematik terutamanya konsep geometri. Selain itu, konsep penting dalam pengajaran dan pembelajaran geometri dan kesukaran pembelajaran dan kesilapan umum dalam pembelajaran geometri akan ditekankan. Pengalaman tersebut akan dijadikan landasan bagi membincangkan tentang pentaksiran dan proses penyelesaian masalah geometri. Teknik pedagogi dan pentaksiran dalam geometri di peringkat menengah dan pra universiti akan dibincangkan dan pembinaan tugas yang melibatkan murid menggunakan teknologi akan dibincangkan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Posamentier, A. S., Smith B.S. (2020). *Teaching Secondary Mathematics: Techniques and Enrichment Units*, World Scientific Publication Company: Singapore.

Leong, K.E. & Chew, C.M. (2018). *Pengajaran Matematik Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur, KL: AEC Bina Minda Sdn Bhd.

Goos, M., Vale, C. & Stillman, G. (2017). *Teaching secondary school mathematics: research and practice for the 21st century*, 2nd Edition. Allen & Unwin: Sydney.

**PQI6061 KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN MATEMATIK DISKRIT**

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada kurikulum matematik terutamanya konsep matematik diskrit. Selain itu, konsep penting dalam pengajaran dan pembelajaran matematik diskrit dan kesukaran pembelajaran dan kesilapan umum dalam pembelajaran matematik diskrit akan ditekankan. Pengalaman tersebut akan dijadikan landasan bagi membincangkan tentang pentaksiran dan proses penyelesaian masalah matematik diskrit. Teknik pedagogi dan pentaksiran dalam matematik diskrit di peringkat menengah dan pra univerti akan dibincangkan dan pembinaan tugasan yang melibatkan murid menggunakan teknologi akan dibincangkan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Bostic, J.D.; Krupa, E. E. & Shih, J.C. (2019). *Assessment in Mathematics Education Contexts: Theoretical Frameworks and New Directions* (Routledge Research in Education) 1st Edition. Routledge.

Brookhart, S.M. & McMillan, J.H. (2020). *Classroom Assessment and Educational Measurement 1st Edition*. Routledge.

Brookhart, S.M. & Nitko, A.J. (2018). *Educational Assessment of Students, 8th Edition*. NY: Pearson

**PENDIDIKAN SAINS KOMPUTER ASAS**

**PQI6062 PERSEKITARAN PEMBELAJARAN BERASASKAN WEB**

Pelajar dalam kursus ini akan memperoleh kemahiran yang diperlukan untuk mereka bentuk, membangunkan, dan mengurus persekitaran pembelajaran berasaskan web. Di samping itu, pelajar akan mempelajari pengetahuan, kemahiran, dan kebolehan yang diperlukan dalam bidang pembelajaran berasaskan web. Kursus ini menggabungkan konsep, teori, dan penyelidikan kepada reka bentuk, pembangunan, dan penilaian persekitaran pembelajaran berasaskan web. Ia juga menyentuh reka bentuk persekitaran pembelajaran berasaskan web berdasarkan teori pembelajaran dan reka bentuk pengajaran.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Russell, V., & Murphy-Judy, K. (2021). *Teaching language online a guide for designing, developing, and delivering online, blended, and flipped language courses*. Routledge.

Johnson, M. J. (2021). *Books and social media: how the digital age is shaping the printed word*. Routledge

Blokdyk, G. (2020). *Virtual learning environment: A complete guide*. Kindle Edition.

**PQI6063**

**ASAS PEMBANGUNAN APLIKASI MOBIL**

Kursus ini memperkenalkan pembangunan aplikasi mudah alih untuk platform Android. Android adalah perisian untuk peranti mudah alih yang termasuk sistem operasi, middleware dan aplikasi utama. Para pelajar akan mempelajari untuk menulis kedua-dua aplikasi web dan aplikasi untuk Android menggunakan Eclipse dan Android SDK. Android SDK menyediakan alat dan API perlu untuk seseorang memulakan membangunkan aplikasi pada platform Android yang menggunakan bahasa pengaturcaraan Java. Kelas ini akan meliputi topik Android utama seperti Views, Activities, Intents, Broadcast Receivers, dan Content Providers.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Chang, W. (2021). *Let's get started with IoT design*. Kindle Edition.

Mishra, S. (2021). *Digital cultures*. Routledge

Kanatouri, S. (2020). *The digital coach*. Routledge

**PENDIDIKAN KEJURUTERAAN ASAS**

**PQI6064**

**PENGURUSAN BENGKEL, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DALAM PENDIDIKAN KEJURUTERAAN**

Kursus ini membantu pelajar untuk memahami apa yang dimaksudkan dengan pengurusan bengkel, keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Kandungan memfokus kepada pengenalan kepada keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) dan prinsip-prinsip asasnya, Akta KKP, tanggungjawab korporat untuk KKP, serta pencegahan kemalangan di tempat kerja. Kursus ini menggalakkan pelajar untuk menjalankan inkuiri terbuka/ berpandu dalam persekitaran bengkel. Pelajar diajar pengetahuan dan kemahiran pengurusan bengkel dan keselamatan yang baik.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

De Felice, F. & Petrillo, A. (2020). *Human factors and reliability engineering for safety and security in critical infrastructures: Decision making, theory, and practice*. Springer.

Dhillon, B. S. (2020). *Reliability, maintainability, and safety for engineers*. CRC Press.

Nicholas, J. M. & Steyn, H. (2020). *Project management for engineering, business, and technology*. Routledge.

**PQI6065**

**PRINSIP TEKNOLOGI PENGAJARAN DALAM PENDIDIKAN KEJURUTERAAN**

Pelajar akan membincangkan prinsip asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk amalan di bilik darjah pendidikan kejuruteraan. Pelajar akan mempelajari cara menulis objektif yang baik dalam merancang satu pelajaran bilik darjah, memilih bahan serta kaedah pengajaran mengikut objektif yang ditulis. Di samping itu, pelajar juga akan didedahkan dengan beberapa aspek pengurusan bilik darjah.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Hokanson, B. (2020). *Educational technology beyond content: A new focus for learning*. Springer International Publishing.

Ilic, V. & Rahman, A. (2020). *Blended learning in engineering education: recent developments in curriculum, assessment, and practice*. CRC Press.

Cennamo, K., & Kalk, D. (2019). *Real world instructional design: An iterative approach to designing learning experiences*. Routledge.

## PENDIDIKAN KESUSASTERAAN BAHASA INGGERIS

### PQI6066 PENGAJARAN SASTERA DI DALAM KELAS BAHASA

Kursus pengenalan ini akan membolehkan pelajar membangunkan pandangan tentang peranan kesusasteraan dalam kurikulum. Pelajar akan diperkenalkan kepada teori, pendekatan, dan ilmu yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Sastera dalam Bahasa Inggeris kepada penceramah bahasa lain. Pengertian kecekapan langauge dan proses bacaan sastera akan dibincangkan. Pelajar akan digalakkan untuk menyampaikan pemahaman tentang metodologi berpusatkan pelajar yang sesuai untuk mengajar genre kesusasteraan. Ini akan difasilitasi menerusi pendekatan tindak balas pembaca kepada teks. Konteks pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan dan peranan guru juga akan diterokai. Pendekatan pengajaran akan menjadi sebahagian besar pengalaman supaya prinsip untuk pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan dapat ditarik secara induktif.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

#### Rujukan Utama:

Ahmed, F., Giovanelli, M., Mansworth, M. & Titjen, F. (2021) *Teaching English language and literature 16-19*. New York: Routledge

Patrick Collier (2021) *Teaching literature in the real world: A practical guide*. London: Bloomsbury Publishing

Henny Herawati, Maria Vincentia Eka Mulatsih (2021) *Introduction to literature*. Yogyakarta: Sanata Dharma University Press

### PQI6067 PENGAJARAN SIMULASI UNTUK BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA

Kursus ini membina dan mengintegrasikan kursus metodologi pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua dalam pengajaran kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Fokus utaman ialah memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan teori yang dipelajari dan mempraktikkan dalam rancangan pelajaran yang dibuat. Kursus ini menggalakkan pelajar untuk membuat refleksi terhadap pengalaman dan memberi pengalaman langsung kepada pelajar untuk meneroka melalui simulasi di dalam kelas.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

#### Rujukan Utama:

Elizabeth Bradley (Ed.) (2020) *Games and Simulations in Teacher Education*. Springer Nature

Lemov, D. (2020). *Teaching in the online classroom: Surviving and thriving in the new normal*. John Wiley & Sons

Muhammad Kamarul Kabilan, Raja Mazuin Raja Abdul Aziz & Jo-Ann Netto-Shek (2021) *Teaching and learning of English in the 21st century: Perspectives and practices from Southeast Asia*. Pulau Pinang: Penerbit USM.

## PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU

### PQI6068 PENGAJARAN KESUSASTERAAN DALAM BAHASA MELAYU

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang bahan sastera bagi meningkatkan penguasaan bahasa. Untuk itu, kursus ini akan tumpukan perhatian kepada pelbagai pendekatan dan teknik yang bersesuaian supaya murid minat terhadap bahan sastera. Para pelajar perlu mengembangkan teknik melatih kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran bahan sastera. Isu dan masalah dalam pengajaran bahan sastera akan dibincang untuk dicari cara penyelesaiannya. Seterusnya para pelajar juga dikehendaki merangka dan membentangkan modul pengajaran yang berkesan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu

**Rujukan Utama:**

- Beach, R., Appleman, D., Fecho, B. & Simon, R. (2020). *Teaching Literature to Adolescents* (4th Ed.). London: Taylor & Francis.
- Cadden, M., Coats, K. Trites, R.S. (2020). *Teaching Young Adult Literature*. New York: Modern Language Association of America.
- Thomas, P. (2018). *Approaches to Learning and Teaching Literature in English: A Toolkit for International Teachers*. Cambridge University Press.

**PQI6069                      PENGUKURAN DAN PENILAIAN DALAM PENDIDIKAN BAHASA MELAYU**

Tujuan kursus ini adalah untuk memperkenalkan kepada pelajar tentang teori dan prinsip-prinsip dalam penubuhan ujian-ujian bahasa. Pelajar akan didedahkan kepada pelbagai bentuk ujian dan penilaian, dan kesesuaian bentuk-bentuk ujian ini dalam pelbagai situasi pengajaran. Antara konsep-konsep penting yang akan dikuliahkan adalah kesahan dan kebolehpercayaan ujian, dan jenis-jenis kesahan dan kebolehpercayaan ujian. Isu-isu semasa mengenai ujian dan penilaian akan dibincangkan. Pelajar-pelajar akan memeriksa dan menilai teknik-teknik menguji kemahiran bahasa, tatabahasa, dan perbendaharaan kata dan mengkaji kerangka teori ujian dan aplikasinya di samping mempelajari cara menganalisis item ujian, cara menganalisis dan menginterpretasi markah ujian dan pembinaan skim pemarkahan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan                      - 70%                      Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu

**Rujukan Utama:**

- Hidri, S. (ed.). (2019). *Revisiting the Assessment of Second Language Abilities: From Theory to Practice*. Cham: Springer International Publishing.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Edisi ke-2*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Papageorgiou, S. & Bailey, K.M. (eds). (2019). *Global Perspectives on Language Assessment : Research, Theory, and Practice*. London: Taylor & Francis Ltd.

**PENDIDIKAN KESUSASTERAAN CINA**

**PQI6070                      PENGAJARAN KESUSASTERAAN CINA**

Kursus ini akan memperkenalkan pelajar kepada konsep dan ruang lingkup kesusasteraan kanak-kanak/remaja Cina, pendidikan sastera, ciri-ciri asas kesusasteraan kanak-kanak/remaja dan nilai estetika sastera Cina. Para pelajar akan mempelajari pelbagai genre sastera dan aspek-aspek pembinaannya. Pelajar-pelajar juga diajar untuk membuat rancangan pelajaran yang berkesan dengan melaksanakan aktiviti yang menarik berdasarkan teks sastera.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan                      - 70%                      Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Cina

**Rujukan Utama:**

- Yu, H. (2018). *Penjelasan dan Pengajaran Kesusasteraan China*. Beijing, Higher Education Press
- 孙士聪 (编)。2017。文学教育(新媒体时代的探索与实践首都师范大学文学院教育教学改革研究论文集)。社科文献。
- 陈平原。2017。《作为学科的文学史：文学教育的方法、途径及境界》。北京大学出版社。

**PQI6071 PENTAKSIRAN PEMBELAJARAN DALAM PENDIDIKAN BAHASA DAN KESUSASTERAAN CINA**

Kursus ini ditawarkan supaya pelajar dapat mengintegrasikan konsep-konsep pentaksiran dan penilaian serta mengamalkannya dalam pendidikan Bahasa Cina di sekolah. Para pelajar akan diajar membangunkan instrument pentaksiran dan menjalankan ujian rintis di sekolah, kemudian menilai kualiti instrumen itu serta membuat penambahbaikan yang relevan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Cina

**Rujukan Utama:**

Liao Jianling. (2020). *Principal of Language Measurement and Assessment: Case Study and Issues in Chinese Language*. Beijing: Foreign Language Teaching and Research Press Co., Ltd.

廖建玲 (2020) 《语言测试与评估原理--汉语测评案例与问题》。北京：外语教学与研究出版社

Wong Ting Wai. (2017). *Studies in Chinese Language Measurement and Teaching Assessment*. Kuala Lumpur: Commercial Book (M) Sdn.Bhd.

**PENDIDIKAN SEJARAH ASAS**

**PQI6072 KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN ZAMAN PRA-SEJARAH DAN TAMADUN AWAL DUNIA**

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada konsep penting dalam pengajaran dan pembelajaran Zaman Pra-Sejarah dan Tamadun Awal Dunia. Antara lain, tumpuan akan diberi kepada pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pendidikan Zaman Pra-Sejarah dan Tamadun Awal Dunia. Pemahaman aspek ini akan dijadikan sebagai landasan bagi membincangkan tentang pentaksiran dalam pengajaran pendidikan Zaman Pra-Sejarah dan Tamadun Awal Dunia. Teknik pengajaran dan pembelajaran Zaman Pra-Sejarah dan Tamadun Awal Dunia di peringkat menengah dan pra univerti akan diteliti dan pembinaan tugas yang melibatkan murid menggunakan teknologi akan dibincangkan

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Sharp, H., Dallimore, J., Bedford, A., Kerby, M., Goulding, J., Heath, T.C., von Güttner, D. & Zarmati, L. (2021) *Teaching Secondary History*. Cambridge: Cambridge University Press

Haydn, T. & Stephen, A. (2021) *Learning to Teach History in the Secondary School: A Companion to School Experience*. New York: Routledge

Michael Chazan (2021) *World Prehistory and Archaeology: Pathways Through Time*. New York: Routledge

**PQI6073 KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN SEJARAH KESULTANAN MELAYU MELAKA DAN KEDATANGAN KUASA BARAT**

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada konsep penting dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah Kesultanan Melayu dan Kedatangan Kuasa Barat. Antara lain, tumpuan akan diberi kepada pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pendidikan Sejarah Kesultanan Melayu dan Kedatangan Kuasa Barat. Pemahaman aspek ini akan dijadikan sebagai landasan bagi membincangkan tentang pentaksiran dalam pengajaran pendidikan Sejarah Kesultanan Melayu dan Kedatangan Kuasa Barat. Teknik pengajaran dan pembelajaran Sejarah Kesultanan Melayu dan Kedatangan Kuasa Barat di peringkat menengah dan pra univerti akan diteliti dan pembinaan tugas yang melibatkan murid menggunakan teknologi akan dibincangkan

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%  
Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Mohd Rohaizat Abdul Wahab, Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Muhlis Hadrawi, Zuliskandar Ramli (2018) *Selected Topics on Archaeology, History and Culture in the Malay World*. Singapore: Springer

Hasbollah Mat Saad (2020) *A brief history of Malaysia: texts and materials*. Melaka: Pena Hijrah Resources

Naoki Soda (2020) *Conceptualizing the Malay world: Colonialism and Pan-Malay identity in Malaya*. Tokyo: Transpacific Press

**PEMBANGUNAN PAKEJ PENGAJARAN**

**PQI6074**

**MEMBANGUNKAN PEMBELAJARAN INTERAKTIF 1**

Kursus ini bertujuan untuk membangunkan kemahiran dalam mereka bentuk dan mewujudkan persekitaran pembelajaran interaktif. Pelajar akan menggunakan prinsip-prinsip reka bentuk pengajaran dan model untuk membangunkan persekitaran pembelajaran interaktif. Pelajar-pelajar belajar alat pembangunan semasa untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berkesan, cekap dan menarik.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%

Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Morley, D. A & Jamil, M. G. (2021). *Applied pedagogies for higher education: real world learning and innovation across the curriculum*. Springer International Publishing; Palgrave Macmillan.

Bonomi, A. (2020). *Technology dynamics-the generation of innovative ideas and their transformation into new technologies*. CRC Press.

Kidd, T & Morris, L. R. Jr. (2020). *Handbook of research on instructional systems and educational technology*. Springer International Publishing.

**PQI6075**

**MEMBANGUNKAN PEMBELAJARAN INTERAKTIF 2**

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dalam mereka bentuk dan mewujudkan persekitaran pembelajaran interaktif. Pasukan pelajar menggunakan prinsip reka bentuk pengajaran untuk mereka bentuk dan membangunkan pengajaran, menekankan kemahiran pembangunan lanjutan dengan teknologi terkini. Pelajar bersama-sama dengan klien sebenar, menentukan matlamat projek dan garis masa, menguruskan projek reka bentuk pengajaran dan mendokumentasikan proses reka bentuk pengajaran.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan - 70% Peperiksaan – 30%

Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris

**Rujukan Utama:**

Morley, D. A. & Jamil, M. D. (2021). *Applied pedagogies for higher education: real world learning and innovation across the curriculum*. Springer International Publishing; Palgrave Macmillan.

Hokanson, B., Clinton, G. & Kaminski, K. (Eds.). (2018). *Educational technology and narrative: story and instructional design*. Springer International Publishing.

Seel, N. M., Lehmann, T., Blumschein, P. & Podolskiy, O. A. (2017). *Instructional design for learning: theoretical foundations*. Sense Publishers.

## UNIT KEMUDAHAN

### **MAKMAL KOMPUTER**

(a) Makmal Komputer 1 dan 2

Kemudahan makmal komputer yang terletak di Aras 2, Blok Menara, Fakulti Pendidikan ini menyediakan kemudahan pengajaran serta pembelajaran bagi pelajar-pelajar fakulti. Kemudahan makmal yang lengkap dengan perisian terkini antaranya perisian *SPSS*, *AMOS*, *NVIVO*, *MATLAB* dan sebagainya bukan hanya boleh digunakan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran, bahkan digunakan bagi tujuan penganjuran seminar dan bengkel.

(b) Makmal Komputer 3

Dengan kemudahan perisian *SPSS* dan *AMOS*, makmal komputer yang terletak di Tingkat 1, Blok A ini mampu menampung seramai 30 orang pelajar pada satu-satu masa penggunaan. Dengan kemudahan internet yang berkelajuan tinggi serta makmal komputer yang lengkap, proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar.

(c) Makmal Komputer 4

Makmal Komputer 4 terletak di Tingkat 2, Blok C ini dilengkapi dengan kemudahan projektor dan 16 unit Komputer untuk tujuan proses pengajaran dan pembelajaran. Perisian asas seperti *Misrosoft Office* dan *SPSS* boleh didapati di makmal ini. Bagi memudahkan proses perbincangan antara pensyarah dan pelajar, sebuah meja bulat juga disediakan di makmal ini.

### **MAKMAL MATEMATIK**

Makmal Matematik, Fakulti Pendidikan, di Tingkat 2, Blok B ini dilengkapi dengan kemudahan projektor dan 10 unit komputer yang terkini untuk tujuan proses pengajaran dan pembelajaran. Ianya menyediakan kemudahan perisian komputer seperti *SPSS*, *SAS*, *AMOS*, *G Power*, *Geogebra*, *Geometer Sketchpad*, *Tinkerplots*, *Scratch* dan *R studio* untuk kegunaan pelajar dalam bidang Pendidikan Matematik.

### **MAKMAL KAUNSELING**

Makmal Kaunseling Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya yang terletak di Tingkat 3, Menara Pendidikan menyediakan prasarana yang terapeutik dan sesuai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bagi Program Kaunseling. Ia terdiri daripada 5 Bilik Kaunseling Individu, 2 Bilik Kaunseling Kelompok dan 1 Bilik Sumber. Makmal Kaunseling ini dilengkapi dengan kemudahan rakaman dengan sistem yang terkini bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Penyediaan makmal kaunseling yang lengkap dan terapeutik ini selaras dengan keperluan penawaran program Kaunseling yang berkualiti dan diiktiraf oleh Lembaga Kaunselor Malaysia.

### **BILIK CUBE / CUBE ROOM**

Bilik Cube menyediakan kemudahan untuk pelajar-pelajar beristirahat serta mengulangkaji pelajaran. Dengan kemudahan yang serba lengkap dan boleh memuatkan 40 orang dalam sesuatu masa, bilik ini amat sesuai bagi pelajar dan kakitangan untuk menganjurkan seminar, program, mesyuarat dan pelbagai aktiviti. Bilik ini boleh diakses setiap hari pada 8:00 pagi – 5:00 petang.

### **UNIT PENULISAN ILMIAH**

Unit ini terletak di Tingkat 1, Blok C memberi khidmat nasihat penulisan dan pemurnian manuskrip kepada pensyarah dan pelajar pasca-siswazah Fakulti Pendidikan. Buku-buku rujukan dan pelbagai artikel mengenai penulisan dan format “*APA style*” terdapat di Unit Penulisan Ilmiah.

### **MAKMAL PENGAJARAN MIKRO**

Makmal Pengajaran Mikro ini terletak di Tingkat 3, Blok C. Makmal ini dilengkapi dengan kemudahan projektor serta 10 unit komputer yang terkini bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Makmal yang boleh memuatkan sehingga 10 orang ini dilengkapi dengan perisian asas komputer serta perisian *SPSS*.

## **PERPUSTAKAAN**

Perpustakaan Fakulti Pendidikan diwujudkan adalah bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan sumber rujukan yang diperlukan oleh pelajar dan pensyarah bagi tujuan pembelajaran serta rujukan dalam bidang pendidikan. Antaranya bahan penerbitan yang terdapat di Perpustakaan ini ialah buku-buku rujukan, penyelidikan, tesis, jurnal pendidikan tempatan dan antarabangsa, laporan, prosiding persidangan, keratan akhbar, sukatan pelajaran dan sebagainya.


# LOKASI BILIK KULIAH




FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI MALAYA  
FACULTY OF EDUCATION UNIVERSITY OF MALAYA

## BLOK A (Block A)


### Tingkat Bawah (Ground Floor)




### Tingkat Satu (First Floor)



### Tingkat Dua (Second Floor)




### Tingkat Tiga (Third Floor)




## BLOK B (BLOCK B)


### Tingkat Bawah (Ground Floor)




### Tingkat Satu (First Floor)



### Tingkat dua (Second Floor)




### Tingkat Tiga (Third Floor)






## BLOK E (BLOCK E)


### Tingkat Bawah (Ground Floor)




### Tingkat Satu (First Floor)





### Tingkat Dua (Second Floor)



### Tingkat Tiga (Third Floor)




# BANGUNAN PENTADBIRAN (BlokF) ADMINISTRATION BUILDING (Block F)




## MENARA PENDIDIKAN (Blok G) EDUCATION TOWER (Block G)


Tingkat Bawah (Ground Floor)




Tingkat Satu (First Floor)




Tingkat Dua (Second Floor)




Tingkat Tiga (Third Floor)




Tingkat Empat (Fourth Floor)



Tingkat Lima (Fifth Floor)



# AUDITORIUM



# PENGHARGAAN

*kepada*

**Dekan  
Timbalan-Timbalan Dekan  
Ketua-Ketua Jabatan  
Penolong-Penolong Pendaftar**

Ahli Jawatankuasa Buku Panduan  
Diploma Pascasiswazah Pendidikan  
Fakulti Pendidikan  
2021/2022

Individu-individu yang terlibat secara  
langsung atau tidak langsung  
dengan penerbitan Buku Panduan ini

Terima Kasih

